

SIDANG WANITA PULAU PINANG 2022

TAMBAH PERWAKILAN WANITA UNTUK MANFAAT SEMUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI

Agenzi Pelaksana



Peranan dan Keahlian Dewan Undangan Negeri

Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dipanggil enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

Sumber : Laman Sesawang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.



DEWAN UNDANGAN NEGERI



Kandungan

Perutusan

YAB Tuan Chow
Kon Yeow

04

YB Dato' Law Choo
Kiang

05

YB Puan
Chong Eng

06

YB Puan Fadhlina
Dato' Sidek

07

01 Pengenalan

Ringkasan
Eksekutif

09

Perjalanan Sidang
Wanita Pulau
Pinang

11

Sidang Media

12

02 Perjalanan Proses Persediaan Perwakilan

Jelajah Sidang
Wanita Pulau
Pinang 2022

15

Bengkel
Pembangunan
Kapasiti

21

Proses Pemilihan
Akhir

37

Bengkel Persediaan
Perwakilan

38

Penerimaan
Pertanyaan Jawab
Lisan dan Bertulis

41

03 Sidang Wanita Pulau Pinang 2022

Hari Persidangan
Sidang
Wanita Pulau
Pinang 2022

43

Perwakilan Sidang
Wanita 2022

53

Statistik &
Demografi
Perwakilan

67

Pelan Tempat
Duduk Perwakilan

69

04 Penghargaan, Informasi & Buletin

Jawatankuasa
Petugas Sidang
Wanita Pulau
Pinang 2022 &
Sekretariat

71

Sekalung
Penghargaan

72

PWDC Pulau
Pinang X
PH Gem Negeri
Sembilan

73

Majlis Pelancaran
Pertubuhan Alumni
Sidang Wanita
Pulau Pinang

74

30% Perwakilan
Wanita: Tekad
Atau
Propaganda
Politik?

75

Pilihan Raya
Umum Ke-15

76

Glosari

77

Perbadanan
Pembangunan
Wanita Pulau
Pinang

78

Meja Pengarang

Penaung

YB Dato' Law Choo Kiang
Yang di-Pertua Dewan
Undangan Negeri

YB Puan Chong Eng
EXCO Pembangunan Sosial &
Hal Ehwal Bukan Islam

Penasihat

Puan Ong Bee Leng
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan
Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Pengarang

Amirul Aiman Anuar

Penyunting

Izwan Ali Imran Wazani

Penerbit

PWDC

Fotografi

PWDC
GoClick Pictures

Reka Bentuk & Grafik

Amirul Aiman Anuar
I Heart Design



Sidang Media



28

Lawatan Lapangan



Bengkel Persediaan Perwakilan

Hari Persidangan



73

PWDC X PH Gem

Jelajah

Perutusan

Ketua Menteri Pulau Pinang



Syabas dan tahniah kepada EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam serta Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) atas kejayaan penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang Tahun 2022 (Sidang Wanita 2022).

Sejak dimulakan pada tahun 2020, platform yang bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan wanita ini telah berjaya melahirkan 505 bakat baharu dari seluruh negara yang berpotensi tinggi. Ini sekali gus membuktikan program punyai kekuatan dan keberkesanannya tersendiri.

Memasuki tahun ketiga, sambutan yang diterima masih menggalakkan apabila

berjaya menarik minat penyertaan pelbagai latar belakang yang terdiri daripada golongan profesional, pegawai kerajaan dan swasta, ahli perniagaan, aktivis, mahasiswa, ahli parti politik serta ramai lagi. Hal ini menjadikan perbincangan dan perbahasan sepanjang perjalanan Sidang Wanita 2022 lebih meluas, matang, berkualiti serta inklusif.

Justeru itu, Kerajaan Negeri meletakkan kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada seluruh jawatankuasa terlibat agar program ini akan terus berada pada landasan yang tepat bagi menggapai objektifnya. Pendekatan dan penambahbaikan terutama dari aspek tata kelola perlu dari semasa ke semasa demi keberkesanannya dan kelestarian pada masa depan.

Kerajaan Negeri akan terus beri sokongan dan sumber keperluan meliputi pelbagai aspek termasuk kemudahan atau dasar holistik bagi memastikan akses sama rata ini dapat dinikmati semua golongan. Ini juga adalah selaras dengan Agenda Kelima Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu untuk mencapai kesaksamaan gender.

"Akses Untuk Semua Demi Manfaat Bersama"

Sekian, terima kasih.

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Perutusan

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang



Tahun ini sekali lagi Sidang Wanita Pulau Pinang telah bersidang dengan 40 Perwakilan menawan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya berasa sangat berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) yang berjaya mencungkil dan menampilkan wanita ke satu aras yang lebih tinggi dalam hidup mereka.

Walaupun Sidang Wanita bukanlah satu jaminan untuk peserta terlibat dalam arena politik, namun platform ini merupakan langkah awal untuk wanita tampil memberanikan diri mengasah bakat mereka. Melalui program ini peserta berpeluang menjadi "Ahli Yang Berhormat" sama ada di lapangan dan juga dalam Dewan Undangan Negeri.

Format persidangan yang mirip Persidangan Dewan Undangan Negeri yang sebenar memberikan satu pengalaman dan peluang mungkin tidak dapat di tempat lain. Peserta juga dipersiapkan dengan ilmu dan pengetahuan tentang sistem demokrasi di Malaysia, peranan wakil rakyat untuk memastikan mereka lebih faham tentang pentadbiran negeri dan negara.

Selaku Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya sentiasa menyokong usaha-usaha untuk menambah perwakilan wanita dalam politik. Usaha ini bukan hanya untuk melihat suara wanita diangkat atau kuat, tetapi komitmen ini adalah untuk memastikan perubahan budaya yang lebih baik dan perbahasan yang terangkum dalam proses persidangan Dewan Undangan Negeri mahupun Dewan Rakyat.

Untuk memastikan usaha ini disebarluaskan dan diperluaskan, laporan Sidang Wanita 2022 akan diterbitkan. Walaupun penulisan ini bersifat laporan dan perincian program, namun ia akan memberi gambaran jelas metodologi yang digunakan oleh Pulau Pinang untuk membina kapasiti dan mempersiapkan wanita. Selain itu, penerbitan ini juga akan memberi pemahaman tentang keperluan mendesak untuk semua pihak merapatkan jurang gender dalam politik.

"Wanita Tonggak Pembangunan Negara"

YB Dato' Law Choo Kiang

Perutusan

EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam



Sidang Wanita Pulau Pinang diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk mencapai kesaksamaan gender di bawah Dasar Keterangkuman Gender (DKG). Laporan *Gender Gap Report 2022* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum*, mencatatkan Malaysia berada pada tangga ke-103 daripada 146 negara dalam kedudukan Indeks Jurang Gender Global 2022 dengan skor 0.681 berbanding skor saksama 1.0. Ini meletakkan Malaysia antara 30 peratus terbawah di mata dunia.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat keputusan. Mungkin ada yang tertanya-tanya, kenapa 30 peratus? Perkara ini adalah berdasarkan teori fizik berkenaan jisim yang menunjukkan jumlah minimum diperlukan untuk suatu tindak

balas berterusan berlaku adalah 30 peratus. Begitu juga dalam konteks sosio-politik di mana sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita diperlukan untuk satu perubahan berlaku.

DKG yang diperkenalkan pada tahun 2018 menyasarkan komposisi nisbah imbang gender, 40:40:20 iaitu 40 peratus lelaki, 40 peratus wanita dan 20 peratus terbuka untuk lelaki dan wanita supaya tiada satu yang mendominasi. Dengan itu keperluan kedua-dua golongan wanita dan lelaki dapat diutarkan dan dipenuhi. Pulau Pinang telah berjaya mencapai 30 peratus wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Namun, kita masih belum capai 30 peratus dalam komposisi Ahli Majlis, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Bersandarkan kepada hakikat ini, terdapat keperluan yang mendesak untuk mewujudkan dasar-dasar dan undang-undang yang menetapkan minimum 30 peratus perwakilan wanita dalam membuat keputusan terutamanya dalam politik. Satu ekosistem yang lebih mendorong wanita supaya mereka dapat berkecimpung dalam politik perlu diwujudkan. Ini pastinya akan tercapai sekiranya Kerusi Tambahan Untuk Wanita Sahaja atau *Top-up Women-Only Additional Seats (TWOAS)* dapat dilaksanakan di negeri ini.

"Tambah Perwakilan Wanita Untuk Manfaat Semua"

YB Puan Chong Eng

Perutusan

Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2022



Seramai 40 wanita hebat yang telah berjaya mengharungi empat fasa pemilihan program Sidang Wanita Pulau Pinang 2022. Program yang dirangka secara komprehensif dengan beberapa komponen iaitu saringan, pembangunan kapasiti dan bengkel persediaan untuk terpilih menjadi perwakilan ke Dewan Undangan Negeri yang mulia.

Sidang Wanita dirangka khas bersandarkan format Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang sebenar. Tujuannya adalah untuk memperkasakan wanita dan memberi pendedahan tentang bidang tugas wakil rakyat. Struktur program yang telah dibina secara komprehensif ini terdiri daripada beberapa komponen iaitu pemahaman dan pendidikan, pembangunan kapasiti, lawatan lapangan dan platform untuk mengasah bakat.

Tahniah dan syabas kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana telah berjaya mengelola program yang mampu memberi impak yang besar kepada wanita. Program ini juga telah menjadi rujukan di beberapa buah negeri lain dalam usaha untuk menambah perwakilan wanita dalam politik.

Sebagai penambahbaikan bersandarkan kepada maklum balas penganjuran tahun yang lalu. PWDC akan menyediakan laporan ringkas berkaitan isu-isu yang telah diangkat sepanjang persidangan pada hari ini. Laporan ini akan dihantar terus ke Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) yang berkaitan.

Komitmen ini membuktikan bahawa Sidang Wanita bukanlah suatu simulasi semata-mata, bahkan dengan penyediaan laporan ringkas ini menunjukkan signifikan penganjuran tersebut. Input-input yang dibincangkan di dalam dewan ini diangkat untuk pemerhatian kepimpinan negeri.

Penganjuran dan pengisian Sidang Wanita bukan hanya berkiblatkan matlamat sempit untuk mendorong wanita ke bidang politik semata. Akan tetapi matlamatnya jauh lebih besar untuk menambah perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam apa jua kapasiti mereka.

“Wanita Hebat Kesejahteraan Rakyat”

YB Puan Fadhlina Sidek

01

PENGENALAN



Ringkasan Eksekutif

Oleh YBrs Puan Ong Bee Leng

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Sidang Wanita adalah platform khas untuk wanita di Pulau Pinang dan di Malaysia untuk mengasah dan mengetengahkan bakat kepimpinan dalam arena politik. Program ini dirangka khas bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tugas wakil rakyat serta perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Program ini menyasarkan wanita dari seluruh negara tanpa mengira latar belakang yang berani ke depan supaya bakat kepimpinan mereka dapat digilap dan diketengahkan ke peringkat lebih tinggi. Struktur program ini dibina secara komprehensif melalui beberapa komponen iaitu pembangunan kapasiti, latihan lapangan dan platform khas untuk peserta mengaplikasikan pengetahuan baru.

Jelajah

Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang adalah platform untuk menghimpun semua peserta yang mendaftar. Jelajah ini bertujuan untuk memberi pemahaman lebih mendalam tentang program selain merupakan proses penilaian awal dalam pemilihan perwakilan untuk Sidang Wanita. Peserta dipecahkan kepada beberapa kumpulan dan diberikan topik-topik tertentu untuk dibincangkan. Seorang wakil rakyat akan bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing peserta dalam kumpulan kecil.

Bengkel Pembangunan Kapasiti

Bengkel Pembangunan Kapasiti berlangsung selama dua hari dirangka untuk peserta yang terpilih dari proses tapisan Jelajah Sidang Wanita. Bengkel ini merupakan proses tapisan akhir untuk pemilihan 40 peserta untuk ke hari kemuncak persidangan di DUN Pulau Pinang. Bengkel ini juga telah dirangka untuk mempersiapkan peserta dengan kemahiran dan pemahaman terhadap sistem demokrasi di Malaysia. Peserta turut terlibat dengan lawatan lapangan untuk merasai sendiri pengalaman sebagai wakil rakyat. Perkongsian dan forum oleh pemimpin politik turut diadakan bagi memberi peluang kepada peserta berinteraksi dengan wakil rakyat sebenar.

Bengkel Persediaan Perwakilan

Bengkel Persediaan Perwakilan merupakan persiapan terakhir untuk 40 perwakilan yang terpilih ke Fasa 4 iaitu Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022. Bengkel ini mendedahkan perwakilan mengenai proses memasukkan dan menjawab Soalan Lisan dan Bertulis. Selain itu, peserta turut diberi penerangan mengenai Peraturan Mesyuarat serta format persidangan.

Peserta yang berperanan sebagai penyokong kerajaan (*backbencher*) dan pembangkang akan menghantar pertanyaan jawab lisan dan bertulis selain turun ke lapangan untuk mendapatkan input perbahasan. Manakala peserta yang berperanan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) akan menjawab semua pertanyaan jawab lisan bertulis dengan bantuan dan bimbingan daripada Pejabat EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Hari Persidangan

Setelah melalui fasa saringan dan fasa persediaan, para peserta yang terpilih sebagai 40 perwakilan akan bersidang pada hari kemuncak di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan bersidang dengan menggunakan format DUN.

Persidangan dikendalikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang. Persidangan dimulakan dengan ucapan Yang di-Pertua Dewan dan diikuti dengan sesi soalan lisan oleh barisan EXCO. Kemudian adalah sesi perbahasan dan diakhiri dengan pembentangan usul di sebelah petang.

Laporan Persidangan

Persidangan Sidang Wanita dicatat oleh pelapor yang dilantik oleh PWDC, semua catatan dikumpulkan dan dijadikan laporan ringkas mengikut portfolio EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Laporan ini dihantar kepada Pejabat EXCO bertanggungjawab untuk rujukan dan tindakan sekiranya berkaitan.



01

01 Sidang Wanita berlangsung di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan dipengerusikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang

Objektif Sidang Wanita



Mendedahkan bakal pemimpin wanita kepada pelbagai topik termasuk kepimpinan politik, pemerksaan wanita, tadbir urus baik, penyertaan masyarakat dan kesaksamaan gender.



Memberi pemahaman mengenai proses membuat keputusan di Malaysia dan perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta kepentingan perwakilan wanita dalam peringkat membuat keputusan.



Membina kepimpinan dalam kalangan wanita di Pulau Pinang.



Menyediakan platform untuk para peserta merasai pengalaman sebagai wakil rakyat.

Impak

100

Lebih 100 wanita yang menyertai Sidang Wanita mendapat kefahaman dengan lebih mendalam berkaitan sistem politik, pentadbiran kerajaan dan amalan demokrasi di Pulau Pinang dan Malaysia.


80

Seramai 80 pemimpin wanita terpilih telah meningkatkan keyakinan diri melalui program pembangunan kapasiti.

40

Seramai 40 pemimpin wanita terpilih ke peringkat Hari Persidangan Sidang Wanita berpeluang mengetengahkan wanita berkualiter yang berpotensi dalam bidang politik.

Perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022





Sidang Media

Pengumuman penyertaan pencarian bakat pemimpin wanita berkaliber

Edisi ketiga Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 (Sidang Wanita 2022) membuka tirainya untuk meneroka bakat-bakat baharu bagi mengisi platform khas yang terhad untuk wanita bagi menggilap potensi menjadi pemimpin. Pelancaran program anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Penggerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Pelancaran sidang media yang diadakan di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) ini turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook PWDC berjaya mendapat sambutan hangat daripada media dan pemegang taruh. Kejayaan penganjuran edisi terdahulu telah membuka mata banyak pihak akan potensi sebenar program perintis kepimpinan wanita ini.

Berucap bagi menyempurnakan pelancaran, YB Puan Chong Eng berkata, ia dirangka khusus untuk wanita dan bertujuan mencungkil bakat para pemimpin wanita sama ada daripada kalangan pemimpin komuniti, korporat, kerajaan, politik mahupun usahawan dan mahasiswa.

Ujarnya lagi, agenda ini seiring dengan matlamat membina kepimpinan wanita dan melahirkan tokoh yang cakna hal pembangunan negeri serta tadbir urus yang baik. Wanita yang berkelayakan dan berkemampuan perlu diberi peluang untuk memimpin dan bukan hanya sekadar menjadi pengikut bawahan atau orang kanan dalam sesbuah organisasi sahaja.

“**Pada Sidang Wanita yang lalu terdapat peserta dari luar Pulau Pinang iaitu dari Sabah dan Selangor telah dipilih dan berjaya sampai ke peringkat akhir dan ini membuktikan bahawa wadah ini amat diterima baik dan tersebar ke negeri lain.**”

YB Puan Chong Eng

Walaupun secara dasarnya Sidang Wanita menyasarkan untuk menambah jumlah perwakilan wanita dalam politik, namun objektifnya adalah jauh lebih besar. Kewujudan wanita di peringkat pembuat keputusan perlu dalam apa jua bidang atau organisasi. Program ini bakal mencungkil bakat-bakat terpencil dalam kalangan wanita untuk menggemarkan arena politik kelak.

Menurut YB Puan Chong Eng lagi, beberapa pelantikan bekas peserta Sidang Wanita lalu sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan membuktikan keberkesanan program ini dan merupakan satu langkah kecil yang amat membanggakan. Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa terdapat ramai peserta persidangan yang lalu turut menawarkan diri dalam pemilihan dalaman parti.

“Sidang Wanita 2022 memberi pendedahan dan memberi peluang kepada peserta memahami dan menimba pengalaman tentang selok-belok bidang tugas seorang wakil rakyat,” katanya.



02

02 YB Puan Chong Eng memberikan Kenyataan Media.



03

03 YB Puan Chong Eng dan Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2022 bergambar dengan semua jemputan.

Seramai 400 wanita disasarkan untuk mendaftar dan mengambil bahagian sempena Sidang Wanita 2022 yang membuka tirainya buat tahun ketiga berturut-turut hari ini.

Tempoh pendaftaran peserta dibuka selama tiga minggu sehingga 5 Ogos 2022 menyasarkan golongan wanita yang berkebolehan dalam pelbagai sektor serta berminat dalam selok-belok pentadbiran awam dan politik.

Turut berucap, YB Senator Puan Fadhlina Sidek merangkap Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2022 edisi kali ini telah memberi penerangan mengenai format penganjuran yang telah ditetapkan serta garis masa yang merangkumi empat fasa sepanjang proses penyediaan peserta persidangan.

Katanya, wadah khas untuk wanita tersebut juga tidak akan mengehadkan perbincangan atau usaha-usaha yang ingin dibawa oleh para peserta. Peserta bebas untuk berbincang atau mengangkat mana-mana isu yang wajar untuk diketengahkan.

Peserta turut akan didedahkan dengan pemahaman tentang gender serta diberi ruang untuk mengasah kemahiran pengucapan awam mereka. Peserta turut diuji kemahiran berbahas melalui sesi advokasi yang membincangkan pelbagai topik berkenaan dengan isu semasa wanita. Selain itu, mereka turut berpeluang turun ke lapangan bersama wakil rakyat

sebenar untuk berdepan dengan masyarakat dan merasai sendiri pengalaman menyantuni rakyat.

“Saya menyeru wanita untuk tampil ke hadapan untuk bersama-sama menjayakan perubahan dalam arena politik tanah air. Kelestarian sesuatu legasi adalah penting untuk memastikan usaha-usaha dalam memperkasakan agenda wanita dapat diteruskan.”

YB Senator Puan Fadhlina Sidek

Sebanyak empat fasa saringan perlu dilalui mereka. Hanya 40 wakil sahaja yang terpilih untuk bersidang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di mana ia merupakan fasa yang terakhir.

Turut hadir dalam sidang media tersebut ialah YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang, YB Puan Kasthuriaani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan, YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC, YBrs Puan Hajjah Aiman Athirah Sabu, Ketua Wanita Pakatan Harapan, YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan YBrs Puan Jazz Tan Yee Mei, Pengerusi MUDA Pulau Pinang.

02

PERJALANAN PROSES PERSEDIAAN PERWAKILAN



Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2022

13 & 14 Ogos 2022

Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 kali ini diadakan selama dua hari secara fizikal di dua lokasi iaitu di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi di Butterworth dan Dewan Balai Rakyat Bayan Baru. Jelajah di bahagian Seberang Perai dan Pulau ini bertujuan meluaskan pencarian pemimpin wanita yang berani dan mencungkil bakat kepimpinan dalam kalangan peserta yang telah mendaftar semasa tempoh pendaftaran Sidang Wanita Pulau Pinang 2022.

Pengisian jelajah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Sesi Perkongsian Bersama Wakil Rakyat yang akan menampilkan beberapa wakil rakyat sebenar untuk berkongsi perjalanan politik masing-masing serta Sesi Penilaian Peserta yang akan dikendalikan dalam kumpulan kecil dan dinilai oleh fasilitator untuk mara ke peringkat seterusnya.

Hari Pertama

Bertempat di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth jelajah siri pertama dimulakan dengan ucapan aluan oleh EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, YB Puan Chong Eng yang berkobar membakarkan semangat para peserta mengenai betapa pentingnya wanita untuk tampil ke hadapan. Beliau turut berterima kasih dengan kehadiran peserta yang tampil dan memilih untuk sahut seruan menyertai Sidang Wanita Pulau Pinang 2022.

04 Peserta jelajah hari pertama.

05 YB Puan Chong Eng membakar semangat peserta Sidang Wanita menerusi ucapannya.



04



05

Beliau turut berkongsi mengenai jurang yang ketara dalam kalangan lelaki dan wanita menjadi faktor utama usaha-usaha untuk mengangkat agenda wanita dikukuhkan di negeri ini. Menurut *Gender Gap Report 2022* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum*, Malaysia berada pada tangga 103 dalam kedudukan Indeks Jurang Gender Global 2022 dengan skor 0.681 berbanding 1.0 skor saksama. Jika diteliti dalam skop yang lebih kecil, iaitu Penguasaan Politik mencatatkan Malaysia berada pada kedudukan 123 dengan skor 0.102.

Tegasnya, perwakilan wanita dalam politik perlu ditambah kerana terdapat ruang yang sangat besar dalam jurang gender antara lelaki dan wanita. Dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam politik menjelang 2030, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh kerajaan negeri yang dimulakan dengan menambah perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Sesi perkongsian pada petang tersebut diteruskan oleh YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang; YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, Ketua Wanita Pakatan Harapan; YBrs Puan Aida Yusoff Rawa, Pegawai Penyelaras KADUN Penaga dan YBrs Puan Sangetha Jayakumar, Pengurus Pertubuhan Wanita Nadi Selangor. Selesai sesi perkongsian, peserta dipecahkan dalam kumpulan kecil bersama fasilitator untuk sesi penilaian.



06 Para peserta hadir dengan tekad dan semangat juang yang tinggi.

07 YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu lantang dalam isu Pemerkasaan Wanita.

Hari Kedua

Hari Kedua bertempat di Dewan Balai Rakyat Bayan Baru, semangat sama dari siri jelajah pertama diteruskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2022, YB Senator Puan Fadhlina Sidek yang juga merangkap Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat. Perkongsian beliau dimulakan dengan pembabitan aktifnya dalam platform badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Selaku seorang peguam yang mempunyai firma guamannya sendiri, fasa keselesaan kerjayanya tidak lagi dapat ditahan apabila melihat kepincangan yang berlaku dalam tumpuk pemerintahan negara. Bertitik-tolak daripada itu, beliau mula menjinakkan diri untuk menampakkan dirinya dalam perjuangan politik melalui Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Menurutnya, selaku wanita yang sudah berada pada tahap yang selesa kedudukannya, langkah lebih berani perlu diambil kerana perjuangan

wanita secara amnya masih terkebelakang dalam beberapa bidang kritikal. Berada dalam fasa selesa seharusnya bukan alasan untuk wanita tidak tampil ke hadapan dan bersuara mewakili golongan wanita.

Tegasnya, kebolehan wanita tidak wajar dipandang sebelah mata kerana sudah terbukti kemampuan wanita dalam pelbagai sektor terutama sekali dalam pendidikan tinggi negara. Kita dapat lihat lebih daripada separuh penuntut di universiti adalah dalam kalangan wanita dan majoriti mereka berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya.

Namun demikian, peluang menempatkan wanita di peringkat lebih tinggi dalam sebuah organisasi berdepan kesukaran dan ini adalah realiti kerana selaku salah seorang Ahli Dewan Negara wanita, pelbagai rintangan dan pandangan diskriminasi masih ada dan kekal wujud dihadapinya sehingga ke hari ini.



08 Peserta dibekalkan penerbitan Sidang Wanita tahun lalu sebagai panduan.

09 Taklimat perjalanan program oleh YBrs Puan Ong Bee Leng.



Meskipun sibuk dengan komitmen masing-masing, kedua pemimpin wanita cekal ini kekal utuh cuba meraih perhatian dan penghayatan para peserta yang hadir dengan kisah suka-duka perjalanan politik mereka.

Turut hadir berkongsi pengalaman politik selaku wakil rakyat, Ahli Parlimen Bayan Baru, YB Tuan Sim Tze Tzin yang berpandangan input daripada golongan wanita amat penting sebelum satu-satu idea atau polisi dapat diterjemahkan. Penyertaan wanita waima peringkat mana pun perlu dibawa ke meja rundingan agar dapatkan daripada hasil tersebut dapat menggambarkan realiti sebenar yang dihadapi wanita dari sudut pandang yang pelbagai.

Beliau turut berkongsi pengalamannya selaku Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sewaktu di bawah tumpuk pentadbiran Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pada tahun 2018, di mana waktu itu menyaksikan ramai pengarah di peringkat jabatan dan agensi kementerian disandang oleh lelaki.

Beliau turut menyatakan harapan agar semua peserta Sidang Wanita kali ini dapat menterjemahkan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang bakal ditimba sebaiknya. Beliau percaya hari ini akan menjadi bibit permulaan bagi menyuburkan bakat kepimpinan wanita dalam bidang politik agar suatu anjakan paradigma boleh berlaku dalam politik negara.

Turut berkongsi YB Tuan Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus; YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang; YB Tuan Joseph Ng Soon Siang, ADUN Air Itam; YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, Ketua Wanita Pakatan Harapan dan YBrs Puan Aida Yusoff Rawa, Pegawai Penyelaras KADUN Penaga.

10 YB Tuan Sim Tze Tzin.

11 YB Tuan Chris Lee Chun Kit.

12 YB Puan Lim Siew Khim.

13 YB Senator Puan Fadhlina Sidek.

Sesi Penilaian Peserta

Bagi kedua-dua siri jelajah, peserta dibahagikan mengikut kumpulan kecil bersama seorang fasilitator yang bertindak sebagai penilai dan ini membuka peluang untuk mereka berinteraksi dengan fasilitator. Sesi dimulakan dengan memberi ruang kepada peserta untuk perkenalkan diri masing-masing dengan tiga minit diberikan tiap seorang sambil dinilai oleh fasilitator.

Rata-rata peserta dilihat mengambil peluang ini untuk berkongsi latar belakang peribadi mereka serta pengalaman dalam kerjaya dan khidmat komuniti. Selain itu, setiap peserta turut diminta untuk berkongsi objektif mereka menyertai Sidang Wanita pada kali ini dan perkara yang ingin dicapai sepanjang fasa pemilihan berlangsung.



14



15



16



17



18



19

14 Peserta tampil yakin dan berani dalam menyuarakan pendapat.

15 Peserta dibahagikan dalam kumpulan kecil untuk sesi penilaian.

16 Perkongsian bersahaja YBrs Puan Aida Yusoff Rawa namun padat dengan input bermanfaat.

17 Setiap peserta berpeluang menyuarakan pandangan dan berinteraksi dengan fasilitator.

18 YBrs Puan Sangetha Jayakumar berkongsi kepentingan polisi mesra gender.

19 Fasilitator bertanggungjawab membuat penilaian melalui perbincangan kumpulan.

Selesai memperkenalkan diri dan berkongsi objektif, fasilitator akan mengendalikan Sesi Soal Jawab secara terbuka untuk memberi peluang kepada peserta bertanya soalan, pandangan atau sebarang pengalaman yang ingin dikongsi dan dibincangkan bersama wakil rakyat. Sesi ini memperuntukkan 15 minit dan fasilitator juga boleh menanyakan soalan kepada peserta bagi mewujudkan komunikasi dua hala.

Sesi ini adalah serampang dua mata kerana melalui sesi ini peserta akan dinilai oleh fasilitator masing-masing sama ada mereka layak atau gagal ke peringkat seterusnya. Penilaian yang dijalankan di akhir jelajah ini adalah untuk mengesan dan mengenalpasti tahap pengetahuan peserta selain melihat kesungguhan peserta untuk komited menjalani fasa pemilihan yang masih panjang.

Senarai Barisan Fasilitator

Hari Pertama

YB Puan Lim Siew Khim

YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu

YBrs Puan Aida Yusoff Rawa

YBrs Puan Ong Bee Leng

YBrs Puan Sangetha Jayakumar

YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah

Hari Kedua

YB Senator Puan Fadhlina Sidek

YB Puan Lim Siew Khim

YB Tuan Chris Lee Chun Kit

YB Tuan Joseph Ng Soon Siang

YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu

YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah

YBrs Puan Aida Yusoff Rawa



20 YB Tuan Joseph Ng Soon Siang selaku fasilitator dalam sesi penilaian.

21 Semangat kebersamaan dalam mengangkat agenda wanita.

22 Perserta dan pemimpin politik pada hari pertama.

23 Perserta dan pemimpin politik pada hari kedua.

“ Kita perlu ada ***persediaan mental dan diri sebelum terjun dalam politik***, siap sedia dengan budaya dan tanggapan negatif orang ramai terhadap ahli politik. Buktikan budaya khidmat kerja yang terbaik untuk tapis kata-kata dan dakwaan bahawa ahli politik itu kuat menipu dan hanya pandai bercakap sahaja ”

YB Senator Puan Fadhlina Sidek

Ahli Dewan Negara



Bengkel Pembangunan Kapasiti

10 & 11 September 2022

Proses saringan kedua sebelum memilih 40 peserta terakhir diteruskan dengan Bengkel Pembangunan Kapasiti Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 selama dua hari. Hari Pertama bertempat di Hotel Lexis Suites Penang, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Seramai 85 peserta berjaya menempatkan diri mereka pada fasa kedua pemilihan kali ini daripada 225 peserta yang telah menghantar penyertaan. Mereka yang mara telah menerima jemputan eksklusif berdasarkan penilaian yang dibuat pada fasa pertama. Penilaian peserta akan diteruskan melalui pengisian padat bengkel dua hari ini.

Bengkel ini telah dirangka dengan pengisian yang bersifat lebih inklusif dan mendalam terutama aspek pemahaman gender dan pengetahuan proses perjalanan wakil rakyat ke Dewan Rakyat (Parlimen), Dewan Negara, Dewan Undangan Negeri (DUN) serta peranan dan tugas mereka.

Selain itu bengkel ini turut mencabar kebolehan para peserta yang mana mereka dipertanggungjawabkan untuk membuat pengucapan awam serta sesi advokasi. Kedua-

dua sesi ini merupakan proses penilaian akhir peserta untuk terpilih sebagai perwakilan.

Wakil rakyat yang terdiri daripada Ahli Parlimen (MP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah dijemput untuk menjadi Fasilitator dan Penilai bagi kedua-dua sesi ini. Lebih menarik mereka memberi respon terus kepada peserta dalam berkongsi pengalaman berkaitan peranan dan keperluan wakil rakyat.

Majlis Perasmian

Majlis Perasmian bengkel ini disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan sambutan penyertaan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 yang luar biasa sambutannya kerana berjaya menarik pendaftaran peserta dari luar Pulau Pinang.

Katanya, di peringkat awal, terdapat peserta yang hadir dari Johor, Perlis, Kedah, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang. Ini menandakan bahawa program Sidang Wanita dapat menarik perhatian wanita dalam dan luar Pulau Pinang dan yang penting wanita sanggup datang jauh untuk menimba ilmu dan pengalaman.



24

24 YB Puan Chong Eng menandatangani buku khas Bengkel Pembangunan Kapasiti Sidang Wanita.

25 Majlis perasmian turut dihadiri YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu dan YBrs Puan Aida Yusoff Rawa.



25

Menurutnya, Kerajaan Negeri sentiasa menujuarai agenda memperkasakan wanita dan ini terbukti apabila program Sidang Wanita ini merupakan perintis kepada sidang khas untuk wanita demi menggalakkan wanita menyertai politik. Model seumpama ini telah menjadi contoh untuk negeri lain termasuk di Negeri Sembilan.

Tambahnya lagi, platform seperti Sidang Wanita dilihat mampu memberi ruang untuk peserta mengetengahkan idea dan membahas isu seperti penglibatan masyarakat baik wanita maupun lelaki dalam hal kesaksamaan gender serta pemerkasaan wanita. Program ini juga dapat menggalakkan penglibatan dan perwakilan wanita dalam hal pembangunan negeri dan tadbir urus yang baik.

Beliau yakin dalam tempoh beberapa tahun lagi tidak mustahil akan ada wakil rakyat yang merupakan bekas peserta Sidang Wanita. Perkara ini pastinya dapat dicapai dengan kesungguhan dan komitmen berterusan yang diberikan oleh semua peserta.

Nasihatnya kepada peserta yang terpilih supaya mengambil peluang ini untuk menghayati proses demokrasi negara terutama ketika negara sedang berada dalam musim pilihan raya. Penyertaan aktif wanita dapat menyuburkan demokrasi dan beliau turut menggalakkan wanita untuk menawarkan diri menjadi '*Polling Agent and Counting Agent*' (PACA) atau Ejen Pusat Mengundi dan Mengira Undi untuk merasai sendiri pengalaman terlibat dalam proses pilihan raya.

Turut hadir pada Majlis Perasmian adalah YB Senator Puan Fadhlina Sidek, Ahli Dewan Negara merangkap Pengurus Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2022, YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, Ketua Wanita Pakatan Harapan; YBrs Puan Aida Yusoff Rawa, Penyelaras KADUN Penaga; YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan YBrs Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.

26 Majlis perasmian dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku.

27 YB Senator Puan Fadhlina Sidek memberikan ucapan aluan.

28 YB Puan Chong Eng menyampaikan ucapan perasmian.

29 Para peserta mengambil peluang bergambar sebelum bengkel bermula.



26



27



28



29



30

31

32

33

30 Puan Ratanamala Thannimalay berkongsi pandangannya mengenai pemahaman gender dan jantina.

31 Sebahagian peserta yang berjaya ke fasa kedua kelihatan ceria dan bersemangat pada awal sesi bengkel.

32 Puan Bagseswari Subramaniam teruja selepas mendengar ucapan perasmian oleh YB Puan Chong Eng.

33 Salah seorang peserta, Puan Zainun Yusoff bertanyakan soalan kepada Puan Ong Bee Leng mengenai maksud gender.

Sesi Pengenalan Gender dan Jantina

Sesi pertama bengkel ini menekankan pemahaman dan gambaran jelas kepada peserta berhubung perbezaan istilah antara gender dan jantina. Sesi tersebut dikendalikan oleh YBrs Puan Ong Bee Leng iaitu Ketua Pegawai Eksekutif PWDC sendiri.

Pengenalan mengenai perbezaan istilah gender dan jantina diterangkan secara lebih jelas bersama contoh dan latihan dalam bentuk permainan interaktif. Pada hari ini ramai yang masih kurang jelas dengan maksud jantina serta gender dengan menganggap ia adalah sama. Adalah wajar pemahaman gender mengenai sifat dan perkara membabitkan wanita dan lelaki difahami agar peserta sedar bahawa tiada

yang mustahil untuk wanita galas peranan yang selalu dikaitkan dengan lelaki atau sebaliknya.

Puan Ong Bee Leng turut berkongsi contoh-contoh realiti masyarakat yang telah wujud sekian lama dan masih kekal menjadi kelaziman dalam generasi kini. Namun demikian, kesedaran kini kian ada bahawa tidak janggal andai perkara yang sinonim bagi wanita dilakukan lelaki.

Pengenalan Kepada Sistem Demokrasi Malaysia

Sesi yang agak padat berkaitan peruntukan perundangan itu dimulakan dengan pengenalan dan penerangan mengenai peranan Dewan Undangan Negeri oleh YB Puan Lim Siew Kim.



34



35

34 YB Puan Lim Siew Khim memulakan sesi pengenalan dan penerangan peranan Dewan Undangan Negeri.

35 YB Senator Puan Lim Hui Ying, Ahli Dewan Negara memperincikan proses pelantikan keahlian Dewan Negara.

Ahli Dewan Undangan Negeri

YB Puan Lim Siew Khim,
ADUN Sungai Pinang

Penerangan teknikal mengenai peranan Dewan Undangan Negeri (DUN) dimulakan YB Puan Lim Siew Khim dengan beberapa istilah perundangan. Menurutnya lagi, DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh DUN dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Tambahnya lagi, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga merupakan platform pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

YB Puan Lim Siew Khim turut berkongsi contoh soalan lisan dan bertulis yang dibangkitkan dalam DUN oleh ADUN. Beliau juga menjelaskan peraturan-peraturan mesyuarat yang perlu dipatuhi oleh setiap ADUN.

Ahli Dewan Negara

YB Senator Puan Lim Hui Ying,
Ahli Dewan Negara

YB Senator Puan Lim Hui Ying berkongsi mengenai keanggotaan Dewan Negara kepada peserta yang dianggotai oleh 70 orang ahli yang dipilih atau yang dilantik. Wakil dua orang Ahli Dewan Negara atau dipanggil Senator akan dilantik oleh Dewan Undangan Negeri daripada setiap negeri yang kemudian akan membentuk jumlah sebanyak 26 orang.

Menurut beliau juga, Yang di-Pertuan Agong akan melantik dua orang Senator bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Labuan, seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan 40 orang Senator lagi bagi seluruh Malaysia mengikut nasihat Perdana Menteri yang berjumlah sebanyak 44 orang.

Beliau meneruskan penerangan mengenai bidang kuasa Dewan Negara kepada para peserta iaitu berperanan untuk membahaskan hal rakyat, membincangkan dasar-dasar kerajaan, membahaskan, menangguhkan atau meluluskan rang undang-undang, pindaan akta, atau pindaan Perlembagaan serta memulakan rang undang-undang.

Ahli Dewan Rakyat dan Parlimen Malaysia

YB Puan Kasthuriraani Patto,

Ahli Parlimen Batu Kawan

Beliau memulakan perkongsian beliau mengenai sejarah wanita dalam politik dunia dan Malaysia. Menurut YB Puan Kasthuriraani, terdapat tiga revolusi yang tercetus iaitu revolusi politik antarabangsa, revolusi politik Malaysia dan revolusi politik Malaysia pasca 2008 – 2018. Beliau turut menambah bahawa, Ruth Bader Ginsburg merupakan wanita kedua berkhidmat di Mahkamah Agung Amerika Syarikat. Ruth Bader Ginsburg berjaya memerangi diskriminasi jantina dan menyatukan blok liberal mahkamah.

Perkongsian YB Puan Kasthuriraani diteruskan dengan pengenalan kepada Dewan Rakyat. Menurut beliau, Dewan Rakyat merupakan institusi berperlembagaan kepada 222 Ahli

Parlimen yang dipilih semasa Pilihan Raya Umum untuk mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali setahun, di Kuala Lumpur. Dewan Rakyat dipengerusikan oleh Speaker Dewan Rakyat dan dua Timbalan Speaker. Negara-negara Komanwel termasuk Malaysia, mengikut sistem Parlimen Westminster dari United Kingdom. Kuorum untuk satu-satu mesyuarat berlangsung adalah dengan kehadiran 26 Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat. Sistem Parlimen Westminster adalah sistem pemerintahan berparlimen yang demokratik.

Bengkel pada sebelah pagi ditamatkan sehingga berhenti rehat untuk makan tengah hari sebelum disambung semula dengan sesi penilaian di sebelah petang yang akan dibahagikan mengikut lima kumpulan dan bilik berasangan.



36



37



38



39

36 YB Puan Kasthuriraani Patto menerangkan fungsi dan peranan Dewan Rakyat dan Parlimen kepada peserta bengkel.

37 YB Puan Senator Lim Hui Ying dan Puan Ong Bee Leng memberi perhatian semasa sesi penerangan fungsi dan peranan Dewan Rakyat.

38 Sebahagian reaksi peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti semasa sesi penerangan kepada sistem legislatif negara.

39 Salah seorang peserta, Puan Vikneswary Harikrishnan khusyuk mendengar perkongsian pengalaman oleh wakil rakyat.



40

40 Sesi pengucapan awam melatih dan menambah keyakinan peserta untuk bercakap depan audien.

41 Puan Roos Lailawati Mat Johar menyampaikan pengucapan awam.

41

Penilaian Sesi Pengucapan Awam

Peserta dibahagikan kepada lima kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai kira-kira 16 orang peserta serta bilik berasingan iaitu bilik Jingga, Kuning, Ungu, Putih dan Biru. Pembahagian kumpulan adalah untuk sesi penilaian oleh fasilitator jemputan yang akan dijalankan berdasarkan dua tugas yang akan diberikan iaitu sesi pengucapan awam dan sesi advokasi.

Bagi sesi pengucapan awam, peserta diminta menyediakan teks secara individu semasa waktu rehat makan tengah hari berdasarkan beberapa tajuk yang telah ditetapkan. Masa yang diperuntukkan bagi setiap peserta hanyalah tiga minit. Seorang petugas akan bertindak sebagai penjaga masa.

Senarai topik pilihan adalah:

- Perwakilan wanita dalam politik
- Wanita mempunyai punca pendapatan
- Keganasan seksual terhadap wanita
- Keluarga selamat
- Perkahwinan bawah umur

Peserta diminta untuk tampil ke hadapan serta menyampaikan teks pengucapan mereka menggunakan pembesar suara selain bersedia dan menjaga penampilan agar nampak kemas.

Setiap peserta akan dinilai lebih dekat dan teliti berdasarkan aspek penyampaian, pengetahuan, minat dan kreativiti mengenai topik yang dipilih.

Penilaian Sesi Advokasi

Sesi penilaian kedua diteruskan dengan pembahagian bilik dan kumpulan yang sama. Peserta akan membentuk kumpulan kecil yang terdiri daripada tiga hingga empat orang peserta untuk sesi advokasi. Setiap peserta mesti mengambil bahagian dan masa akan diberikan untuk membuat persiapan dan latihan berdasarkan topik yang diberikan. Selama 15 minit masa diberikan untuk sesi pembentangan advokasi dengan setiap ahli kumpulan ada masa tiga minit untuk menyampaikan hujah secara individu.

Fasilitator akan menilai peserta secara individu dan melihat kerjasama semua ahli kumpulan dalam memainkan peranan masing-masing semasa pembentangan.

Senarai Fasilitator merangkap Penilai

YB Senator Puan Fadhlina Sidek

YB Puan Kasthuriraani Patto

YB Puan Lim Siew Khim

YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu

YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah

“ Bila kita berjuang ada kalanya kita tewas, tapi **lawan tetap lawan** jika cara berkerajaan pemerintah itu menindas nasib rakyat. Termasuk juga jika kita tidak di posisi berkepentingan, kita lawanlah dengan apa kudrat yang kita ada. Yang jelas tujuannya bukan untuk diri kita tapi untuk rakyat kita di bawah. ”



YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu

Ketua Wanita Pakatan Harapan



“ Dewan Negara terdiri daripada **70 orang ahli** yang terbahagi kepada dua kategori iaitu 26 ahli yang dipilih oleh 13 Dewan Undangan Negeri dengan dua wakil bagi setiap negeri. Manakala 44 ahli dilantik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. ”

YB Senator Puan Lim Hui Ying

Ahli Dewan Negara

Lawatan Lapangan Bersama Wakil Rakyat

Program pada hari kedua dimulakan seawal pukul 7 pagi dengan setiap peserta dibahagikan mengikut kumpulan kecil mengikut wakil rakyat masing-masing untuk sesi lawatan lapangan. Pendedahan seperti ini memberi peluang kepada peserta merasai pengalaman sebenar wakil rakyat ketika menyantuni rakyat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.

Seramai lima orang ADUN terlibat dan bertindak sebagai tuan rumah bagi mengetuai lawatan lapangan di kawasan mereka. Peserta yang terlibat akan bergerak bersama ADUN untuk beramah mesra dengan masyarakat lapangan. Peserta diberi tugas untuk menyantuni masyarakat dan proses ini dipantau oleh ADUN yang bertindak selaku tuan rumah.



“ Meskipun cuaca hujan sewaktu lawatan lapangan, ADUN Pulau Tikus, YB Tuan Chris Lee Chun Kit masih berbesar hati menerima kunjungan kami dan meluangkan masa kongsi pengalamannya menyelesaikan isu setempat. Kami juga singgah ke beberapa kawasan berbumbung dan berpeluang tegur sapa peniaga dan orang ramai sekitar Pasar Pulau Tikus. ”

Puan Bagseswari Subramaniam

Melalui pengalaman ini peserta berpeluang bertanya dan mendalami denyut nadi masalah rakyat bawahan selain membantu menyelesaiannya mengikut kapasiti mereka.

Pulau

YB Tuan Chris Lee Chun Kit
ADUN Pulau Tikus

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen
ADUN Pengkalan Kota

Seberang Perai

YB Tuan Goh Choon Aik
ADUN Bukit Tambun

YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad
ADUN Telok Ayer Tawar

YB Tuan Jason H'ng Mooi Lye
ADUN Jawi



“ Saya dan kumpulan berpeluang bersiar dan bertegur dengan pengunjung yang beriadah di sekitar Taman Bandar Arkeologi Sia Boey bersama ADUN Pengkalan Kota, YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen. Perkongsian bersama YB secara santai pagi ini beri pengalaman baharu yang membuka mata dan menarik sekali, sejarah di sebalik taman rekreasi itu yang merupakan projek naik taraf landskap daripada tapak pasar kepada taman awam unik. ”

Puan Nooraini Youp

“ Peluang menyantuni orang ramai di Pantai Robina bersama ADUN Telok Ayer Tawar, YB Dato Mustafa Kamal Ahmad beri pendedahan bagaimana melalui kaedah turun padang itu merupakan cara terbaik untuk mendengar isu rakyat setempat. Dengan itu hubungan erat antara wakil rakyat dan penduduk boleh dipupuk sebagai jambatan kepada servis dan perkhidmatan yang lebih berkesan. ”

Puan Dr. Noormaizatul Akmar Ishak

YB Tuan Chris Lee Chun Kit



YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen



YB Tuan Goh Choon Aik



YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad



YB Tuan Jason H'ng Mooi Lye



“Menarik sekali apabila dalam hanya dua jam lawatan lapangan itu pelbagai isu berkaitan Pasar Awam Taman Berjaya Seberang Perai Selatan diperolehi. Antaranya adalah isu mengenai tapak parkir yang terhad, masalah peniaga yang beroperasi di kawasan jalan awam serta isu berkenaan dengan persatuan-persatuan peniaga di sini. Perkara tersebut diambil maklum oleh ADUN Jawi, YB Tuan Jason H'ng Mooi Lye untuk tindakan pihak Ahli Majlis dan pihak berkuasa tempatan. Kami juga mengedarkan apron kepada peniaga pasar basah. **”**

Puan Hasmorni Tamby

Perjalanan Politik Saya

Sesi pada petang hari kedua semakin padat dan penuh dengan input berguna melalui perkongsian panel-panel jemputan yang berkaliber dan disegani. Sesi #Nobody2YB merupakan perkongsian santai oleh tiga figura

pemimpin wanita mengenai perjalanan politik mereka. Dimulakan dengan perkongsian oleh Ahli Majlis daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Puan Connie Tan Hooi Peng yang merupakan bekas peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 dan kini Ahli Majlis sejak 2018.



Dibesarkan dalam suasana keluarga tradisional Cina yang lebih utamakan anak lelaki berbanding perempuan, meskipun dari sudut pendidikan dan keperluan asas lain peluangnya adalah sama. Berlatarbelakangkan pendidikan undang-undang sedikit sebanyak membuka ruang dirinya kepada dunia politik. Kesedaran itu kian serius apabila tercetusnya kes kontroversi melibatkan saudara Teoh Beng Hock yang ditemui mati mengejut ketika disoal siasat berhubung satu kes melibatkan rasuah. Mulai dari itu beliau kian dekat dengan politik atas dasar prinsip keadilan. Connie juga berkongsi nasihat berguna kepada wanita muda yang mahu terlibat politik agar mempunyai mentor yang hebat agar dapat dijadikan rujukan.

YBrs Puan Connie Tan Hooi Peng, Ahli Majlis MBPP



Peristiwa pahitnya amat perit untuk ditelan apatah lagi manisnya boleh dikatakan seakan tiada pada peringkat awal pembabitannya dalam politik. Bertitik tolak sebagai sukarelawan semasa menuntut di Universiti Sains Malaysia, langkah Puan Aiman Athirah makin berani dan yakin untuk serta parti politik yang berjuang berlandaskan syiar Islam. Demonstrasi dan protes jalanan merupakan platform awalnya waktu belia, darah muda berkobar-kobar memperjuangkan yang hak dan batil mengenai nasib rakyat tidak dihiraukannya.

YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, Ketua Wanita Pakatan Harapan

YB Puan Nicole Tan Lee Koon rasa terpanggil untuk serta dunia politik selepas peranannya selaku peguam masih belum cukup berkesan untuk mengubah atau memperbaiki infrastruktur awam negeri yang serba kekurangan. Sebelum bergelar wakil rakyat, beliau merupakan sukarelawan parti politik selama beberapa tahun sebelum terpilih menjadi calon PRU-14 pada tahun 2018. Merupakan satu-satunya EXCO wanita dalam kerajaan Negeri Sembilan membakar semangatnya untuk lebih berusaha untuk mendayakan lagi penglibatan wanita dalam barisan kepimpinan. Beliau turut berkongsi cerita sewaktu kecil apabila adik-beradik lelakinya lebih diutamakan berbanding beliau seorang perempuan.

YB Puan Nicole Tan Lee Koon, EXCO Negeri Sembilan





Forum Perbincangan Panel “Wanita Dalam Politik”

Kapasiti peserta untuk hari kedua terus dipupuk melalui wacana perbincangan panel yang bertajuk Wanita Dalam Politik yang dikendalikan YBhg Dato' Rohana selaku moderator merangkap Ahli Lembaga Pengarah PWDC. Mengetengahkan pemimpin belia wanita iaitu YB Cik Amira Aisyah Abdul Aziz, ADUN Puteri Wangsa serta YB Senator Puan Fadhlina Sidek selaku panel jemputan. Kedua-dua ahli politik ini baharu sahaja memenangi masing-masing dalam Pilihan Raya Negeri Johor serta Pemilihan Parti PKR baru-baru ini.

Perbincangan berformatkan forum ini antaranya mengupas penglibatan panelis dalam pentas politik serta perkara yang mendorong mereka untuk menongkah arus kerjaya hakiki masing-masing untuk memulakan kerjaya selaku pemimpin politik.

Turut disentuh dalam perbincangan panel petang itu adalah isu-isu semasa negara serta pengalaman peribadi yang dihadapi kedua panel jemputan sama ada tohongan mahupun babit manis yang diperoleh mereka ketika meniti selok-belok berpolitik.

Perkongsian dan pertukaran pendapat dan pandangan idea baharu yang ingin dicorakkan kedua pemimpin yang baru terpilih ini begitu menarik dan mendapat maklum balas baik dalam kalangan peserta. Rata-rata mereka teruja dan terinspirasi dengan sikap dan disiplin kerja selain keinginan mahu belajar perkara baharu amat dikagumi dan wajar menjadi tauladan para peserta.



“ Anda perlu **bertindak agresif pertahan diri** jika ada yang menghalang atau menidakkannya. Sebagai ahli politik wanita, pelbagai situasi perlu dirancang dengan baik dan sediakan beberapa pelan tindakan lain sekiranya pelan pertama gagal. ”



**YB Cik Amira
Aisyah Abdul Aziz**

ADUN Puteri Wangsa



“ Banyak kritikan akan dilontarkan kepada ahli politik wanita, kita perlu sentiasa tabah dan **tidak boleh mudah putus semangat**. Sekali kita gagal, bukan bermakna gagal selamanya, bangkit! Kerja keras lagi dan yakinlah hasilnya akan tiba. ”

**YB Puan Nicole
Tan Lee Koon**

EXCO Negeri Sembilan



Penampilan Khas YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

Petang yang sarat dengan pengisian itu diteruskan dengan agenda terakhir iaitu Penampilan Khas Tetamu Istimewa: YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan dan juga mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kemunculan figura wanita hebat ini di hujung bengkel amat dinanti-nantikan bukan sahaja peserta malah semua hadirin yang berada di dewan utama Hotel Ixora itu.

Sesi bersama YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail atau lebih mesra disapa Kak Wan itu dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Puan Ong Bee Leng dan berformatkan bual bicara santai. Turut hadir menyaksikan sesi akhir itu ialah YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dan YB Dr Hajah Norlela Ariffin, EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

Suasana dewan tertumpu mendengar ucapan aluan Kak Wan yang lebih berupa amanat istimewa kepada peserta-peserta bengkel sempena undangannya ke penutup Bengkel Pembangunan Kapasiti Sidang Wanita Pulau Pinang 2022. Katanya, kemahuan dan keinginan yang ditunjukkan peserta amat penting sebelum mereka dilatih dan dihidangkan dengan pelbagai ilmu tadbir urus serta perkara teknikal lain.

Mengimbas kembali situasi ketika beliau terjun ke dunia politik jelas sekali bukan keinginannya,

malah ia adalah satu perjuangan ketika beliau mula mengasaskan Parti Keadilan Nasional pada 1999 selepas bertukar ke Parti Keadilan Rakyat pada 2004. Menurut Kak Wan, beliau dibantu dan disokong oleh ramai tokoh politik daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan profesional yang merupakan penyokong suaminya iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang disabit penjara ketika itu.

Setelah tertubuhnya platform untuk berjuang, beliau bertanding pada Pilihan Raya Umum 2004 di Permatang Pauh dan menang. Katanya, segala-galanya dipelajarinya sendiri dengan merujuk beberapa kenalan rapat yang turut menyokongnya ketika itu. Pesannya, di dalam politik tiada kawan dan tiada musuh selamanya kerana sebarang kebarangkalian boleh terjadi dalam lumrah politik dan adalah lebih baik berjuang sendirian. Namun katanya, perjuangan mesti benar-benar jelas walaupun hanya sendirian.

Dalam pada itu, beliau turut tertarik untuk berkongsi kisah sewaktu belajar di luar negara, menurutnya keinginannya untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kedoktoran pada waktu itu dikritik kerana beliau seorang wanita. Namun cakap-cakap itu, akhirnya hilang selepas beliau berjaya tamatkan pengajian dengan cemerlang di *Royal College of Surgeon, Ireland*.

Ditanya mengenai adakah perjuangannya akan terhenti selepas suaminya kini bebas dan sudah kembali aktif berpolitik, tegasnya, perjuangannya masih belum tamat dan apa

yang dimulakan dahulu adalah supaya negara Malaysia tercinta ini punya impian dan harapan untuk kehidupan anak, cucu dan generasi akan datang. Setakat ini ia masih belum sampai ke titik itu, jadi beliau tidak akan berhenti.

Sesi bual bicara itu turut menyentuh perjalanananya sewaktu bergelar Ahli Parlimen sehingga dilantik Ketua Pembangkang dan seterusnya meneraju tumpuk pentadbiran di posisi kedua negara. Kisah keluarganya sudah pasti turut dikongsikan kerana wanita berjiwa besar itu sudah lali perihal tersebut ditanyakan. Namun, itu tidak bermakna beliau rela nasibnya menimpa insan lain kerana menurutnya semua episod duka keluarganya itu kini dijadikan iktibar. Ia juga bukti kepada wanita-wanita lain untuk maju dan berani menjadi ahli politik serta pada waktu sama bangga menggalas tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.

Sesi soalan turut dibuka kepada peserta untuk bertanya kepada YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Antara soalan menarik ditanya oleh peserta adalah bagaimana beliau kekal tersenyum bersahaja walaupun pelbagai rintangan dan tohmahan dilemparkan padanya. Reaksi beliau pada soalan itu hanya tertawa kecil sambil berkata, suaranya memang perlahan dan beliau bukan seorang yang gemar membala atau menjawab pada tohmahan itu, sebaliknya biarlah hanya dirinya sendiri yang faham dan itu sudah memadai untuk beliau kekal sabar dan meneruskan kehidupan.

Penutup bengkel itu disudahi dengan tepukan kuat dan sesi fotografi bersama Kak Wan dan tetamu kehormat yang lain. Selain itu, urus setia turut memaklumkan keputusan bagi peserta yang mara ke peringkat seterusnya akan diumumkan melalui kiriman emel.

46 Bual bicara bersama YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah dikendalikan oleh Puan Ong Bee Leng kelihatan lebih santai.

47 Riak gembira dan bangga YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah sewaktu menyampaikan amanat dan pesanan kepada para peserta bengkel Sidang Wanita Pulau Pinang 2022.



46



47

Pena

Bengkel Pembangunan Kapasiti

SIDANG WANITA PULAU PINANG 2022





“ Apabila ujian datang, di situlah kesabaran perlu timbul. **Sabar dan redha** adalah nilai penting yang perlu ada dalam diri setiap insan terutamanya seorang pemimpin wanita. Ada perkara memang tidak dapat ubah. Contohnya masa lampau, ia kekal. Maka kita perlu redha dan bergerak ke hadapan. **”**

**Dato' Seri Dr.
Wan Azizah Wan Ismail**

Mantan Timbalan
Perdana Menteri Malaysia

Proses Pemilihan Akhir

Analisis hasil penilaian dan penetapan konstituensi perwakilan

Jawatankuasa Pemilih Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 dibentuk untuk menentukan peserta yang terbaik untuk melangkah ke hari persidangan. Seramai 40 daripada 85 peserta akan dipilih dan ditetapkan konstituensi mereka mengikut situasi semasa DUN sebenar.

Jawatankuasa Pemilih dipengerusikan YB Senator Puan Fadhlina Sidek dan dianggotai oleh YBrs Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, YB Puan Lim Siew Khim, YB Puan Kasthuriraani Patto dan YBrs Puan Ong Bee Leng. Panel pemilih adalah terdiri daripada penggiat politik dan profesional.

Proses pemilihan dimulakan dengan analisis awal yang dilakukan oleh Sekretariat Sidang Wanita 2022. Markah dan ulasan yang diterima oleh perwakilan ketika Sesi Pengucapan Awam dan Sesi Advokasi di Bengkel Pembangunan Kapasiti dijumlahkan.

Peserta terbaik telah disenarai pendek oleh pihak sekretariat dan dibentangkan pada Mesyuarat Pemilihan Akhir bersama Jawatankuasa Pemilih pada 20 September 2022. Sekretariat yang turut serta adalah, Encik Izwan Ali Imran Wazani, Encik Amirul Aiman Anuar, Puan Rafieqah Mohd Razlan, Puan Nurul Hanis Isnin, Cik Mazidah Musa dan Encik Muhammad Farid Arsyad Foad.

Sekretariat terlibat turut memberi input-input tambahan kepada panel pemilih untuk mereka mengenal pasti mana-mana peserta yang berkebolehan dan mampu menjalankan tugas sebagai perwakilan mahupun pembantu perwakilan pada hari persidangan.

Selain daripada itu, peserta yang di senarai pendek juga dinilai berdasarkan pengalaman kerja, latar belakang bidang pendidikan, khidmat komuniti dan isu yang diperjuangkan. Kriteria-kriteria ini akan menentukan peranan perwakilan tersebut agar selari dengan kepakaran dan pengalaman sedia ada mereka.

Peranan Perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022

Bil.	Peranan	Jumlah Perwakilan
1.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)	11
2.	Penyokong Kerajaan (<i>Backbencher</i>)	22
3.	Pembangkang	7

Peranan perwakilan yang ditetapkan adalah mirip pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komposisi asal DUN untuk memastikan keberkesanan program ini. Peserta berpeluang merasai sendiri pengalaman sebagai wakil rakyat melalui beberapa proses sebelum ke hari persidangan.

Proses pemilihan berjalan lancar dengan semua panel pemilih berpuas hati dengan analisis awal yang telah disediakan oleh pihak sekretariat. Secara amnya, perwakilan Sidang Wanita 2022 dilihat inklusif kerana terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan tahap pendidikan. Selain itu juga, sembilan (9) orang perwakilan terpilih merupakan peserta dari luar Pulau Pinang.

Bengkel Persediaan Perwakilan

Taklimat & Persediaan Akhir Perwakilan

Sebagai persiapan untuk hari persidangan, Bengkel Persediaan Perwakilan telah diadakan pada 1 Oktober 2022 bertempat di Auditorium A, KOMTAR. Bengkel ini adalah sebagai proses akhir untuk mempersiapkan perwakilan agar lebih memahami proses persidangan.

Setiap perwakilan berperanan penting untuk mengambil bahagian dan terlibat dengan sesi Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis pada hari persidangan. Selain itu, mereka juga digalakkan turun kelapangan di konstituensi masing-masing untuk mendapatkan input untuk sesi perbahasan.

Mereka diminta untuk membuat pertemuan dan perbincangan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebenar bagi mendapatkan perkongsian serta nasihat. Justeru itu, bengkel persediaan ini sangat penting untuk memastikan persiapan menuju ke hari persidangan berjalan lancar dan sempurna.

Sebelum bengkel bermula, YB Puan Lim Siew Khim mewakili Pengurus Jawatankuasa Pemilihan mengumumkan konstituensi yang telah ditetapkan bagi setiap perwakilan. Kesemua 40 peserta menyambut baik pengumuman

tersebut serta teruja dan bersedia untuk beri komitmen menjayakan hari persidangan.

YB Senator Puan Fadhlina Sidek dalam perkongsiannya secara dalam talian melalui aplikasi ZOOM mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua perwakilan. Beliau menyeru agar setiap perwakilan mengambil peluang yang ada ini dan membuktikan bahawa wanita mampu untuk lakukan dengan lebih baik.

Sesi pertama bengkel iaitu taklimat mengenai perincian tugas perwakilan dikendalikan oleh YBrs Puan Ong Bee Leng. Perwakilan yang bertindak sebagai *backbencher* dan pembangkang diminta menghantar Soalan Lisan dan Bertulis selain turut menyediakan teks masing-masing untuk Sesi Perbahasan.

Manakala perwakilan yang berperanan sebagai EXCO pula perlu menyediakan jawapan kepada soalan lisan dan bertulis serta menyediakan teks Sesi Penggulungan. Selain itu, EXCO juga dikehendaki membentangkan satu usul untuk dibahas yang seterusnya akan diundi bagi melengkapkan persidangan ini.

48 40 wanita hebat berjaya mara dan dipilih sebagai perwakilan 2022.

49 YB Senator Puan Fadhlina Sidek tetap bersama secara dalam talian.



48



49



50 Pengumuman kontituensi perwakilan oleh YBrs Puan Ong Bee Leng.

51 Peserta turut diberikan taklimat peraturan mesyuarat dan tatacara perbahasan.


52 YB Puan Lim Siew Khim menekankan kepentingan menghormati Dewan Yang Mulia.

53 YB Puan Kasthuriraani Patto berkongsi pengalaman berbahas di Parlimen.

Bagi sesi kedua diteruskan oleh YB Puan Lim Siew Khim yang menerangkan tentang teknik soal jawab dan peraturan-peraturan semasa sesi persidangan. Beliau turut menerangkan peraturan-peraturan perbahasan yang terdapat dalam Peraturan Rasmi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (*Standing Orders*).

Bengkel diakhiri dengan perkongsian oleh YB Puan Kasthuriraani Patto berkenaan pengalaman beliau selaku Ahli Parlimen Batu Kawan. Beliau menasihati perwakilan untuk cari topik yang menjadi kepakaran diri untuk diangkat pada hari persidangan. Tambahnya, isu yang disuarakan perwakilan dalam Sidang Wanita tidak mustahil akan mendapat perhatian kepimpinan negeri mahupun negara.





“ Kalau dahulu wanita bersarung batik mampu angkat senjata pertahankan tanah air, namun era ini **wanita hanya perlu pena** dan pangkah calon terbaik untuk menjunjung prinsip demokrasi, amanah, telus & pertahankan keadilan semua di negara kita. ”

**YB Puan Kasthuriraani
Patto**

Ahli Parlimen Batu Kawan

Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan & Bertulis

Proses penghantaran soalan lisan dan soalan bertulis untuk persidangan.

Proses pra-persidangan bermula dengan para perwakilan yang berperanan sebagai *backbencher* dan pembangkang menghantar Soalan-Soalan Lisan dan Bertulis. Setiap perwakilan diberikan 14 hari bermula 1 Oktober 2022 untuk menghantar dua (2) Soalan Lisan dan satu (1) Soalan Bertulis.

Setiap perwakilan diberikan portfolio tertentu untuk memastikan semua soalan yang dihantar tidak bertindih dan meliputi kesemua portfolio 11 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Para perwakilan juga telah turun ke konstituensi yang diwakili bagi memperoleh input sebelum menghantar soalan.

Perwakilan turut bertemu dengan wakil rakyat sebenar kawasan mereka untuk mendapatkan nasihat bagi memastikan soalan yang dihantar relevan dengan isu-isu penduduk setempat. Setiap soalan yang diterima akan disaring oleh pihak sekretariat dan disunting untuk memastikan tatabahasa digunakan tepat dan sesuai.

Soalan yang telah selesai disunting akan diserahkan kepada perwakilan yang berperanan sebagai EXCO berkaitan untuk menjawab. Mereka akan melakukan kajian dan merujuk penyata rasmi (*hansard*), video perbahasan dewan dan rujukan arkib Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk mendapat jawapan.

Selain itu, mereka turut mengadakan pertemuan bersama EXCO Kerajaan Negeri serta bekerjasama rapat dengan Pegawai Khas EXCO untuk memastikan teks jawapan tepat.

Tempoh penyediaan jawapan adalah 14 hari, jawapan yang siap akan disunting oleh pihak sekretariat dan dicetak sebagai bahan edaran untuk rujukan pada hari persidangan. Kesemua Soalan Lisan dan Bertulis telah disiapkan dan di proses mengikut masa yang ditetapkan.

Proses pra-persidangan ini memberikan satu pengalaman dan pengajaran baharu buat para perwakilan. Mereka berpeluang berdepan dengan rakyat selain mengadakan pertemuan dua mata bersama pemimpin negeri.



54

54 Setiap soalan perlu dikemukakan kepada jawatankuasa sebelum ianya disunting dan diserahkan kepada perwakilan.



55

55 Sekretariat bertungkus lumus membimbangi setiap perwakilan menjalankan tugasannya.

03

SIDANG WANITA PULAU PINANG 2022



Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022

Menggunakan format persidangan sebenar Dewan Undangan Negeri

Perjalanan 40 perwakilan yang terpilih sepanjang lima bulan akhirnya sampai kemuncaknya pada pagi 26 November 2022. Perkarangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (DUN) mula dipenuhi oleh perwakilan, petugas dan tetamu jemputan seawal 6 pagi. Ketibaan para perwakilan tampak yakin dengan auranya tersendiri menaikkan lagi seri pada hari persidangan yang luar biasa itu.

Pasukan Sekretariat dan Petugas Teknikal Sidang Wanita turut bersemangat membuat persiapan akhir sebelum bermulanya persidangan yang merupakan Mesyuarat Ketiga Sidang Wanita. Persidangan ini telah disiarkan secara langsung dalam talian ke seluruh dunia melalui laman Facebook *Penang Women's Development Corporation (PWDC)*.

Kemuncak hari persidangan tidak lengkap tanpa sesi bergambar semua perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 di hadapan bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bersama Yang di-Pertua Dato' Speaker. Turut serta dalam sesi bergambar ialah EXCO Pembangunan Sosial & Hal Ehwal Bukan Islam, Ahli Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita, Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Majlis Perasmian

Pagi yang bersejarah ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2022 merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, YB Puan Fadhlina Sidek sebelum majlis perasmian disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng.

Dalam ucapan perasmianya, beliau bangga dengan kemasukan peserta luar dari Pulau Pinang yang mengambil bahagian pada edisi kali ini semakin meluas, antara peserta yang tampil adalah daripada Perak, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Beliau turut yakin program ini sebenarnya akan memberi impak meluas dalam menarik wanita ke dalam politik.

Tambahnya lagi, pembentukan kerajaan persekutuan baharu selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) baru-baru ini telah memberi nilai tambah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana kini senada dengan Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah satu kebanggaan yang amat bermakna kepada Pulau Pinang kerana beberapa pemimpin kita turut berada dalam pentadbiran di pusat.

56



57



58



56 Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ditawan oleh 40 perwakilan wanita.

57 YB Puan Fadhlina Sidek memberikan ucapan aluan sewaktu Majlis Perasmian Sidang Wanita 2022.

58 YB Puan Chong Eng menyampaikan ucapan perasmian.

Pengumuman Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Agenda pagi itu dimulakan dengan bacaan doa pembuka yang dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Dewan bagi memberkati majlis sebelum diteruskan dengan ucapan pembukaan oleh Yang di-Pertua Dewan atau Speaker DUN, YB Dato' Law Choo Kiang.

Beliau membuka persidangan dengan mengucapkan sekalung tahniah kepada para peserta yang berjaya ke peringkat akhir Sidang Wanita 2022. Beliau turut menghargai kerjasama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang turut menyokong objektif program di bawah pelaksanaan PWDC ini.

Yang di-Pertua Dewan yakin bahawa penganjuran Sidang Wanita mampu menyuburkan lagi demokrasi di negeri Pulau Pinang. Tambahnya, penganjuran ini adalah

satu langkah baik untuk mendemokrasikan dewan, malah juga dapat memartabatkan peranan wanita melalui pentas politik.

Tegasnya program ini bukan setakat untuk memberi kesedaran atau hanya sekadar mengangkat keterangkuman gender paling penting bagi beliau secara peribadi adalah untuk melihat perubahan budaya di dalam Dewan Undangan Negeri mahupun Dewan Rakyat jika penglibatan wanita itu besar jumlahnya.

Beliau turut mengumumkan bahawa persidangan kali ini telah menerima 29 soalan lisan dan 58 soalan bertulis selain satu usul akan dibentangkan dan dibahaskan pada persidangan kali ini. Selesai pengumuman itu, beliau kemudian mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Sidang Wanita dengan membuka sesi jawapan kepada soalan lisan dan soalan bertulis yang dikemukakan oleh para perwakilan.





59 Puan Nalina Devi Appliance selaku Timbalan Ketua Menteri 2 bangkit menjawab soalan lisan.

60 Puan Zainon yang memegang portfolio keusahawanan tenang memberikan jawapan kepada soalan tambahan.

61 Puan Tan Kah Hoay selaku EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam sering diasak oleh pembangkang.

Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis

Setiap sesi yang akan berlangsung pada hari persidangan akan dicatat secara teliti dan transkrip ini dikenali sebagai Penyata Rasmi (*Hansard*). Perkara ini selari dengan sub peraturan 15(1)(h), peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi atau '*Hansard*'. Sidang kali ini, menerima 58 soalan bertulis yang telah dijawab oleh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Jawapan bagi soalan bertulis diletakkan di atas meja setiap perwakilan seperti dalam sidang DUN sebenar.

Sesi pertama dewan mulia itu dimulakan pada pukul 9.30 pagi dengan pengumuman Setiausaha Dewan menandakan sesi soalan lisan bermula. Perjalanan sesi itu oleh para perwakilan dimulakan dengan soalan daripada perwakilan dari kawasan Sungai Acheh dengan izin Yang di-Pertua Dewan.

Sebelum menjawab soalan dibangkitkan, Timbalan Ketua Menteri Satu, Puan Dr. Shereeza

Mohamed Saniff mengambil ruang dan peluang tersebut mengucapkan tahniah atas pelantikan Perdana Menteri Malaysia Ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim simbolik pembentukan kerajaan pusat pasca Pilihan Raya Umum ke-15 yang baru berlangsung. Harapan agar negara dan rakyat terus di bawah pemeliharaan pemimpin yang adil dan amanah turut dititipkan beliau sebelum mula menjawab soalan lisan yang diajukan melibatkan portfolio Hal Ehwal Agama Islam.

Yang di-Pertua Dewan seterusnya mengalukan EXCO berikutnya untuk menjawab dan setiap seorang mereka akan bangun bagi memberikan jawapan kepada setiap soalan lisan mengikut portfolio masing-masing.

Jawapan EXCO yang terlalu panjang akan ditegur oleh Yang di-Pertua Dewan supaya cuba meringkaskan sebaik mungkin bagi menghormati masa persidangan yang terhad. Namun demikian, barisan EXCO tetap akan diperuntukkan masa bagi menjawab soalan perwakilan dan mendapat perhatian wajar pihak Kerajaan Negeri.

Sesi Perbahasan

Sebanyak 28 perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 telah menyertai sesi perbahasan untuk persidangan kali ini. Pentas perbahasan dibuka oleh perwakilan kawasan Sungai Pinang, Puan Tan Lay Pheng yang mempersoalkan penguatkuasaan dan pemantauan kerajaan Negeri dalam usaha menjuarai isu pencemaran sungai yang masih membekalkan segelintir penduduk di kawasannya.

Dewan mulai panas apabila giliran Ketua Pembangkang yang juga perwakilan kawasan Sungai Dua, Puan Zafrina Ismail mengambil bahagian dalam sesi perbahasan. Beberapa isu dibangkitkan antaranya ketidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut daerah khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan serta keterangkuman gender dalam DUN menerusi inisiatif '*Top-Up Women Only Additional Seats*' (TWOAS) yang mahukan pelantikannya kelak melibatkan wakil dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Perbahasan mulai hangat apabila Ketua Pembangkang mencadangkan agar kerajaan negeri dapat menyediakan bantuan kad kesihatan kepada golongan B40 namun bingkas di celah oleh perwakilan kawasan Sungai Bakap, Puan Noor Azizah Abdul Razak tentang kewujudan PeKa B40 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia oleh kerajaan pusat. Namun respon Ketua Pembangkang menyatakan bahawa penggunaan skim itu tidak terpakai di pusat perubatan swasta dan jumlah pembbiayaannya adalah terhad. Lantas pertikaman lidah tercetus apabila perwakilan Sungai Bakap mempersoalkan cadangan itu hanya menguntungkan pihak swasta dan ini dipertahankan perwakilan Sungai Dua bahawa ia adalah satu bentuk pelaburan dan menjana ekonomi negeri dan lebih baik kewujudan

hospital swasta dimanfaatkan warga tempatan daripada warga luar yang datang mendapatkan khidmat pakar perubatan tempatan.

Suasana kecoh itu menarik beberapa perwakilan lain untuk turut sama mencelih mempersoalkan kewajaran cadangan Ketua Pembangkang itu yang mendarangkan beban kewangan kepada kerajaan negeri. Namun demikian, keadaan itu masih mampu dikawal Ketua Pembangkang dengan baik yang kemudian meneruskan perbahasannya sehingga tamat.

Yang di-Pertua Dewan turut menjelaskan kepada perwakilan mengenai peruntukan masa tambahan kepada Ketua Pembangkang sememangnya diberi supaya ruang tersebut diguna sebaiknya untuk berhujah dan melontarkan sebarang keperluan kepada dewan perwakilan dan masa tambahan itu hanya diizinkannya kepada Ketua Pembangkang sahaja.

Terdapat juga beberapa perwakilan yang membangkitkan agar pelaksanaan TWOAS mendapat perhatian khusus kerajaan negeri. Antara perwakilan yang menyentuh mengenai TWOAS adalah perwakilan kawasan Bukit Tengah, Sungai Bakap, Sungai Dua, Permatang Berangan, Seri Delima dan Pulau Betong.

Turut menyentuh TWOAS dalam sesi perbahasannya adalah perwakilan kawasan Permatang Pasir, Puan Dr. Noormaizatul Akmar Ishak meletakkan harapan agar agenda itu dapat juga diangkat ke peringkat nasional. Menurutnya, dalam tempoh lima tahun mendatang diharapkan lebih ramai pemimpin-pemimpin wanita dapat dilatih untuk bersedia berkhidmat sebagai wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-16 tanpa mengira parti politik atau rakyat biasa.



62 Ketua Pembangkang, Puan Zafrina Ismail diberi masa perbahasan lebih lama berbanding perwakilan lain.

63 Perwakilan Seberang Jaya, Puan Rusmawati Yusoff antara backbencher ketika sesi perbahasan.

64 Perwakilan Sungai Pinang, Puan Tan Lay Pheng ketengahkan isu kawasannya untuk tindakan pihak kerajaan.



65



66



67

65 Perwakilan Permatang Berangan, Puan Vikneswary Harikrishnan juga wakil pembangkang turut berbahas.

66 Perwakilan Bertam, Puan Wong Ho Yuin bangkitkan isu-isu pembangunan kawasannya.

67 Perwakilan Bayan Lepas, Puan Subhanisha Sultan Mohamed mahu lebih banyak peluang wanita yang berniaga.

Tambahnya lagi, alasan kepimpinan parti-parti politik yang didominasi oleh kaum lelaki bahawa calon wanita tidak mahu bertanding dan hanya selesa bekerja di belakang tabir perlu dibuang. Katanya di zaman kini semua orang patut diberikan peluang dan ruang yang sama bagi menyokong kesamarataan gender dan ini termasuk menerima hakikat wanita juga mampu memimpin.

Dengan adanya kerusi tambahan ini akan membantu Kerajaan Negeri mencapai nilai kritikal yang disifatkan dapat memberi pengaruh dan menjadi satu langkah positif usaha memperkasakan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan.

Sepanjang sesi perbahasan itu, isu kesihatan mental turut mendapat perhatian beberapa perwakilan untuk membahas antaranya Bayan Lepas, Jawi dan Kebun Bunga. Perwakilan kawasan Kebun Bunga, Puan Nooriza Ilias dalam sesinya membangkitkan trend bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang yang sangat membimbangkan sekali gus merosakkan imej negeri selaku destinasi pelancongan. Beliau turut berkongsi statistik kes bunuh diri dari Januari 2019 hingga Mei 2022 adalah seramai 233 orang. Daripada jumlah itu seramai 20 orang yang terlibat dalam bunuh diri adalah dengan cara terjun dari Jambatan Pulau Pinang.


Sesi perbahasan mengharap Kerajaan Negeri mengambil peduli dengan insiden yang berlaku ini kerana mengundang kegusaran orang ramai. Kerajaan negeri perlu menangani isu ini dengan jumlah kes bunuh diri di atas Jambatan Pulau Pinang yang menjadi trend sebelum ianya menjadi barah pada masa hadapan.

Suasana hening dan tegang dewan bersilih ganti sehingga tamat sesi perbahasan yang diakhiri oleh perwakilan kawasan Bagan Dalam. Yang di-Pertua Dewan memuji semua perwakilan yang terlibat dalam sesi tersebut dan menyifatkannya sebagai satu langkah baik dari sudut penyediaan teks, penggunaan bahasa serta kesopanan semua perwakilan sepanjang sesi berlangsung. Namun demikian, beliau turut berkongsi nasihat kepada perwakilan untuk tidak bergantung kepada kertas teks sepenuhnya dan hanya jadikannya sebagai bahan rujukan sahaja agar kualiti perbahasan lebih berimpak.

Selain itu, menurutnya lagi, adalah tidak wajib untuk sesi perbahasan itu disertai oleh semua wakil rakyat. Namun katanya, adalah lebih bermakna dan dihormati jika seseorang wakil rakyat yang dipilih itu dilihat terlibat dalam sesi perbahasan di Dewan Undangan Negeri.

Rata-rata perwakilan Sidang Wanita 2022 bijak mengawal emosi dan etika ketika berbahas dan setiap kandungan perbahasan sememangnya bercirikan fakta dan maklumat yang kukuh. Ini mencerminkan sifat kepimpinan yang perlu sebatى dalam setiap ahli politik dan pembuat keputusan.

Sesi perbahasan ini dilihat mampu membuka mata ramai pihak di luar sana yang mungkin kurang peka mengenai isu-isu yang dibawa oleh para perwakilan wanita dalam persidangan ini. Hujah yang dibawa bukan sekadar omong kosong, akan tetapi adalah bersandarkan pemerhatian dan penyelidikan awal yang dibuat oleh perwakilan yang membuat pertemuan sendiri ke kawasan masing-masing berjumpa wakil rakyat sebenar.



68

69

68 Puan Karthiyani Gopal berpaling pada perwakilan yang bertanyakan soalan.

69 Puan Dr. Shereeza Mohamed Saniff menghuraikan jawapan berkaitan portfolionya dalam sesi penggulungan.

Sesi Penggulungan

Setelah selesai sesi perbahasan 28 perwakilan, Setiausaha Dewan mengumumkan untuk memulakan sesi penggulungan. Seramai 11 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) yang menyandang portfolio berbeza mengambil bahagian dalam sesi ini.

Sesi ini merupakan peluang kepada EXCO untuk memberi maklum balas serta menjawab setiap persoalan dan cadangan yang dihujahkan perwakilan sewaktu sesi perbahasan awal tadi.

Memulakan penggulungan daripada pihak kerajaan adalah Puan Siti Halijah Kamarudin, EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan. Beliau meneruskan sesi dengan menjawab secara serentak kepada soalan-soalan bertulis dan lisan serta tambahan melibatkan perkara-perkara di bawah portfolionya.

Disusuli EXCO Belia dan Sukan, Puan Dr. Sakeena Zahidah Mohamed Shah Redza juga sudah bersedia untuk menggulungkan ucapannya bersama jawapan kepada beberapa persoalan yang dibangkitkan perwakilan. Turut disentuhnya program berkaitan program pembangunan kegiatan belia oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di KOMTAR serta program-program lain.

Beliau turut memaklumkan peruntukan berterusan bagi membangunkan belia akan dirancakkan menerusi pendigitalan modul-modul latihan kemahiran dan vokasional. Ini adalah bagi mempercepatkan proses nilai tambah untuk membentuk belia yang lebih berdaya saing.

Sesi penggulungan tiba-tiba bertukar kecoh apabila tibanya giliran EXCO Alam Sekitar & Kebajikan, Puan Roos Lailawati Mat Johar. Cubaan berkali-kali pihak pembangkang dan perwakilan lain untuk mencelah tidak diendahkannya kerana terdapat banyak soalan yang cuba dijawab berhubung portfolionya yang dibangkitkan perwakilan sewaktu sesi perbahasan. Beliau menekankan kejayaan Kerajaan Negeri yang berjaya menurunkan kadar pelepasan karbon melalui penanaman semula jumlah pokok di pesisir pantai sekitar Pulau Pinang yang mele过asi sasaran awal yang hanya 500,000 batang pokok kepada lebih 700,000 batang pokok.

EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Puan Win Win Htet melalui ucapannya menekankan dewan bahawa kebangkitan ekonomi sektor pelancongan berkembang sangat-sangat baik dalam fasa pemulihan selepas pandemik COVID-19 melanda dunia.

Ketibaan pelancong luar dan tempatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) adalah positif justeru memberi kelegaan kepada pemain industri terutama industri perhotelan dan servis perkhidmatan. Namun demikian, usaha mempromosikan produk pelancongan negeri dan pemberian insentif kepada mereka yang terjejas teruk akan diberi perhatian.

Sesi penggulungan diteruskan Timbalan Ketua Menteri 1 merangkap EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi Dan Pemerksaan Komuniti, Puan Dr. Shereeza Mohamed Saniff. Jelas beliau mengenai isu pentaulahan tokoh agamawan yang dikeluarkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), adalah bertujuan untuk

menjaga kesucian agama Islam. Selain itu, ia juga memastikan keharmonian kaum dan perpaduan dalam kalangan rakyat di negeri yang berbilang agama ini tidak diganggu gugat atau di api-apikan oleh pihak tertentu menggunakan mana-mana nama institusi agama sekitar Pulau Pinang.

Beliau turut memberi laluan celahan kepada perwakilan kawasan Pulau Tikus, Puan Soraya Salim yang bertanyakan mengenai penguatkuasaan dan pemantauan mana-mana individu menyebarkan fahaman sesat mahupun ekstreemis. Menjawab soalan tersebut Puan Dr. Shereza Mohamed Saniff berkata, semua institusi telah sedia maklum dengan arahan dan bidang kuasa yang diperuntukkan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (EPAINPP) 2004 yang melarang sebarang bentuk ceramah tanpa kebenaran. Tindakan juga boleh diambil bukan sahaja kepada individu tersebut malah kepada seluruh ahli jawatankuasa pentadbiran masjid atau surau yang membentarkannya.

Menutup sesi penggulungan tersebut Ketua Menteri, Puan Kimberly Chin Cheng Theng turut merakamkan penghargaan kepada semua perwakilan yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dan barisan EXCO yang berdedikasi menjawab semua soalan yang dibangkitkan. Beliau turut menghargai peluang yang diberikan kepada semua 40 perwakilan yang berpeluang merasai pengalaman menjadi wakil rakyat sehari melalui platform Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 ini. Penghargaan turut dipanjangkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat EXCO negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri sedia ada termasuk agensi-agensi negeri yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang fasa Sidang Wanita 2022.

70 Puan Nooraini Youp membentangkan usul.

71 Puan Dr. Noormaizatul Akmar bangkit membahaskan dan menyokong usul.

72 Puan Bagseswari M Subramaniam menyampaikan hujah menyokong usul.

Sesi Pembentangan Usul

Sesi terakhir ini bagi mewakili pihak kerajaan, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Puan Nooraini Youp membentangkan Usul Mendesak Kerajaan Persekutuan Menggubal Rang Undang-Undang Untuk Menjamin Jumlah Minimum 30 Peratus Perwakilan Wanita Dalam Dewan Rakyat.

Usul tersebut mendesak YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri ke-10 untuk menggubal rang undang-undang baharu untuk memastikan penyertaan wanita mencapai minimum 30 peratus di dalam Dewan Rakyat.

Beliau berkata, perkara tersebut perlu diberi perhatian sejurus mengambil kira penglibatan wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) baru-baru ini. Hal ini adalah kerana penurunan peratusan daripada 14.5 peratus perwakilan wanita di Parlimen kepada 13.5 peratus pada pasca PRU15.

Menurutnya, terdapat 127 calon wanita daripada 945 calon yang bertanding atau 13.4 peratus. Peningkatan ini sedikit rendah berbanding dengan PRU14 di mana terdapat 72 calon wanita daripada 687 calon yang bertanding iaitu 10.5 peratus. Pada PRU14, 33 ahli parlimen wanita berjaya dipilih untuk memenuhi 222 kerusi yang ada, iaitu 14.90 peratus. Namun pada hakikatnya untuk PRU15, hanya ada 32 ahli parlimen dipilih, iaitu 14.41 peratus sahaja.

Menerangkan situasi tersebut, jumlah itu adalah terlalu kecil untuk mewakili 222 kerusi dengan peratusan 13.5 peratus. Jumlah yang dikehendaki sebanyak 30 peratus adalah jauh tersasar. Negara memerlukan lebih ramai wakil rakyat wanita untuk menyuarakan hak-hak yang terkait dengan wanita.

Kerisauannya itu adalah kerana jumlah



penduduk Malaysia keseluruhannya berjumlah 32.7 juta, di mana 47.7 peratus adalah wanita. Dengan perwakilan sebanyak 14.41 peratus, maka kesaksamaan gender adalah jauh tersasar dan perkara ini akan menyebabkan suara wanita terpinggir. Selesai mengusulkan perkara tersebut, perwakilan kawasan Penanti, Puan Siti Halijah Kamarudin bingkas bangun menyokong usul tersebut.

Selaras pembentangan usul dibuat, YB Dato' Yang di-Pertua membuka sesi perbahasan usul kepada dewan. Melahirkan rasa suka, perwakilan kawasan Permatang Pasir, Puan Dr. Noormaizatul Akmar Ishak menyokong usul desakan yang dibawa pihak kerajaan. Katanya, agak mustahil wakil rakyat lelaki untuk membuat sesuatu dasar dan keputusan melibatkan hal perihal wanita sebagai contoh isu kelahiran anak. Beliau turut mendesak agar jawatan-jawatan menteri kanan dalam kabinet juga dapat disandang oleh pemimpin wanita. Bukan sahaja meletakkan pemimpin wanita di Kementerian Wanita dan Kebajikan sahaja, ramai pemimpin wanita juga sememangnya berkelayakan untuk menerajui kementerian kritikal yang lain seperti di Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain lagi.

Tambahnya lagi, meskipun masih wujud golongan misoginis dalam kalangan masyarakat, peranan ahli politik lelaki yang budiman amat diperlukan bagi memberi tanggapan baharu dan memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap pemimpin wanita yang layak dari sudut meritnya. Beliau mengambil contoh

ketika kempen PRU15 yang lalu di Parlimen Bentong, calon wanita Young Syefura Othman yang mengalami keguguran kandungan ketika berkempen. Kesukaran untuk keluar berkempen bagi dirinya itu diambil alih jentera kempen partinya yang sangat kuat sehingga berjaya memenangkan calon mereka di kerusi panas tersebut.

Turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul tersebut adalah perwakilan kawasan Bukit Tambun, Puan Bagseswari Subramaniam yang turut menyuarakan sokongan dengan menyenaraikan 10 cadangan formula bagi menyokong usul desakan yang dibawa pihak kerajaan. Antaranya adalah mengukuhkan sistem sokongan serta pemuliharaan ekosistem wanita ke tahap yang lebih tinggi, mengasah bakat tanggungjawab semua parti politik untuk menampilkan 30 peratus ahli politik wanita, menginstitusikan perwakilan wanita di Parlimen, pemerkasaan program kepekaan gender serta mengarusperdanakan perwakilan wanita di Parlimen dengan menggerakkan usaha yang lebih proaktif, inklusif serta progresif bagi mencapai matlamat minima 30 peratus perwakilan wanita melalui peringkat parti politik itu dahulu.

Perwakilan lain yang turut serta berbahas menyokong usul desakan itu adalah Kebun Bunga, Jawi serta Ketua Pembangkang yang turut menyatakan sokongan terhadap usul desakan tersebut. Memandangkan tiada bantahan daripada ahli dewan ketika proses pengundian, YB Dato' Yang di-Pertua mengumumkan usul telah diterima sebulat suara.

73 Puan Nooriza Ilias turut serta dalam perbahasan usul daripada pihak kerajaan.

74 Puan Siti Nur Jannahulna'eem Abd Hamid antara pembahas yang turut menyokong usul.

75 Puan Kimberly Chin Cheng Theng selaku Ketua Menteri menutup sesi penggulungan.





76

Majlis Penutup

Usai penangguhan persidangan oleh Dato' Yang di-Pertua, agenda diteruskan dengan ucapan penutup oleh Ahli Parlimen Sepang, YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2022.

Bangga dan berbesar hati terlibat secara langsung sepanjang proses pemilihan perwakilan Sidang Wanita kali ini, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua perwakilan atas usaha, masa dan komitmen mereka sehingga ke peringkat yang terakhir.

Beliau turut menitip pesanan agar perwakilan meneruskan perjuangan yang baru bermula ini tidak kira dalam mana-mana platform parti politik. Namun katanya, mereka perlulah tetapkan prinsip jati diri supaya bersih dan ikhlas berkhidmat untuk rakyat tanpa mengira latar belakang sosial.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau turut mengumumkan kesemua 40 perwakilan

sebagai Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang. Kesemua perwakilan Sidang Wanita secara automatik menjadi Ahli Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang (ASWIP).

Setiap butiran perjalanan Sidang Wanita telah direkodkan oleh pelapor dan didokumentasikan sebagai laporan dan dihantar ke pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan setiap EXCO yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Dokumentasi dan penerbitan Sidang Wanita amat penting dan bakal memberikan impak besar dalam merealisasikan tujuan pengajuran sidang ini. Perkara ini dapat membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuktikan bahawa kewujudan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik mampu mencetus perubahan yang besar dan memberikan nafas baharu dalam politik.

Keperluan penyediaan platform khas untuk wanita seperti Sidang Wanita dapat melahirkan wakil rakyat atau pemimpin yang berkualiti. Setiap isu yang diperdebatkan dan dibangkitkan pada hari persidangan diselangi fakta dan maklumat yang sahih.

76 Para perwakilan bergambar bersama Yang di-Pertua Dewan dan tetamu kehormat di hadapan bangunan Dewan Undangan Negeri.

77 YB Puan Hajah Aiman Athirah menutup Sidang Wanita Pulang Pinang 2022.

78 Dato' Speaker, Dato' Law Choo Kiang cekap kendalikan sesi sepanjang persidangan agar berjalan lancar dan tenang.

77



78



“ Untuk bergelar wakil rakyat, kita perlu **bijak merebut peluang**, sanggup korbankan masa serta mampu beri komitmen yang tinggi untuk berkhidmat. Selaku wakil rakyat, jangan lupa perjuangkan hak-hak wanita dan melindungi golongan yang lemah ”

YB Puan Chong Eng

EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam



Perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2022

Ringkasan Profil dan Perkongsian Pengalaman

Ketua Menteri



Puan Kimberly Chin
Cheng Theng

N25 - Padang Kota

*Pembangunan Tanah &
Ekonomi dan Komunikasi*

Timbalan Ketua Menteri 1



Puan Dr. Shereeza
Mohamed Saniff

N03 - Pinang Tunggal

*Hal Ehwal Agama Islam,
Koperasi dan Pemerkasaan
Komuniti*

Timbalan Ketua Menteri 2



Puan Nalina Devi
Applanaidu

N16 – Perai

*Pembangunan Modal Insan,
Pendidikan Sains &
Teknologi*

Profil:

Pemegang Sarjana Muda Perhubungan Awam & Media di United Kingdom. Kini merupakan pereka kandungan Bahasa Cina di Penggerak Komuniti Muda (PEKA). Beliau berharap lebih ramai wanita menceburi dalam platform seperti ini. Sebagai wanita, kita perlu sentiasa berani membuat keputusan tidak semestinya dalam bidang politik tapi dalam sebarang isu-isu yang dihadapi.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita merupakan satu platform yang bagus bagi golongan wanita untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman sebagai wakil rakyat. Ini merupakan sejarah yang tidak dapat dilupakan dan peluang keemasan bagi saya apabila terpilih sebagai Ketua Menteri. Tahap keyakinan saya semakin meningkat dan bersedia untuk terus memperjuangkan hak-hak wanita demi masa depan negara yang maju dan cerah."

Profil:

Ibu kepada 7 orang cahaya mata dan merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah Pembangunan Islam (Pelaku Pembangunan Islam) dari USM dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari UIAM. Merupakan Ahli Majlis Syura Negeri Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Pembangunan Insaniah & Dakwah MAINPP.

Perkongsian pengalaman:

"Sebagai seorang pendidik & penyelidik, program ini telah membantu saya dari segi capaian maklumat berharga dan kemahiran advokasi. Perkara-perkara ini sangat relevan dan boleh diaplikasikan kepada program dan aktiviti Pembangunan Insaniah yang sedang dan akan dijalankan. Semoga idea Intra-Inter Perpaduan yang dilontarkan dapat disambut baik dan diterima kelak untuk merealisasikan Perpaduan Mampan Pulau Pinang."

Profil:

Seorang guru berijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik/Kimia). Berkhidmat sebagai guru di Sabah, Perak dan Pulau Pinang selama 20 tahun. Cenderung dalam bidang sukan dan aktif dalam sukan olahraga sejak sekolah rendah sehingga kini. Beliau juga terlibat dengan aktiviti sukarelawan bersama rakan.

Perkongsian pengalaman:

"Tidak sangka terpilih sebagai salah seorang perwakilan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri 2. Amat mengagumi wanita berkaliber yang punya semangat juang tinggi untuk berkongsi pengalaman masing-masing sepanjang persidangan berlangsung. Ini juga merupakan peluang menimba pengalaman dan paling penting persahabatan yang wujud dan terjalin. Berharap platform pencarian bakat politik wanita seperti ini akan diteruskan."

EXCO**Puan Tan Kah Hoay****N15 - Padang Lalang**

*EXCO Pembangunan
Sosial Dan Hal Ehwal
Bukan Islam*

EXCO**Puan Nooraini Youp****N29 - Datok Keramat**

*EXCO Perumahan, Kerajaan
Tempatan, Perancangan
Bandar & Desa*

EXCO**Puan Roos Lailawati Mat Johar****N07 - Sungai Puyu**

*EXCO Alam Sekitar Dan
Kebajikan*

Profil:

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Malaya, sekarang mempunyai firma guaman sendiri "Hoay Law Chambers". Beliau beraspirasi untuk menjadi seorang warganegara yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Perkongsian pengalaman:

"Saya berasa bangga diberi peluang untuk menyertai Sidang Wanita 2022 yang mana saya telah mendapat pendedahan kepada pengalaman bersidang dalam DUN. Pengalaman dan isu yang dikongsi dalam sesi-sesi Sidang Wanita kali ini juga membuka mata saya terhadap kepentingan perwakilan dan suara wanita dalam bidang politik."

Profil:

Pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Universiti Utara Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah Universiti Kuala Lumpur. Beliau telah di anugerah Darjah Johan Negeri oleh Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang pada 2022. Merupakan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Pulau Pinang. Kini beliau bertugas sebagai Pengarah dan Pensyarah Kanan di Open Universiti Malaysia. Beliau adalah pakar motivasi untuk generasi warga kerja.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita telah menyediakan platform yang sangat mantap untuk memartabatkan kaum wanita. Semoga suara wanita lebih lantang dalam membantu kaum wanita-wanita yang lain. Semoga kaum wanita lebih dihargai diseluruh pelosok dunia. Di dalam diri seorang wanita ada kuasa untuk mencipta, memupuk dan mengubah kehidupan wanita yang lain. Tiada yang lebih berkuasa daripada seorang wanita yang berazam untuk bangkit dan memperjuangkan hak wanita yang lain."

Profil:

Memiliki pengalaman kerja selama 23 tahun dalam bidang Teknologi Maklumat dan elektronik. Jawatan terakhir sebagai *IT Architecture Analyst* di Pos Malaysia Berhad selama 19 tahun. Merupakan ahli Parti Amanah Negara (AMANAH) dan pernah berkhidmat selama dua tahun selaku Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Aktif dalam kerja-kerja komuniti selaku tenaga pengajar dalam mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan di sekolah sekitar Kuala Kangsar.

Perkongsian pengalaman:

"Saya berharap dengan penyertaan ke dalam Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 memperkasakan lagi ilmu pengetahuan serta kemahiran berkomunikasi berkesan selain memperjuangkan hak, kesejahteraan kaum wanita dan mendayakan golongan wanita untuk sama-sama menerajui kepimpinan dalam negara."

EXCO



Puan Karthiyaini Gopal

N22 - Tanjung Bunga

EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan

EXCO



Puan Zainun Yusoff

N37 - Batu Maung

EXCO Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan

EXCO



Puan Win Win Htet

N34 - Paya Terubong

EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif

Profil:

Merupakan pemegang Diploma Eksekutif Perhubungan Awam, Universiti Utara Malaysia, pernah bekerja di syarikat pergudangan dan pengangkutan sebagai seorang penyelaras khidmat pelanggan. Setelah suami terlibat dalam satu kemalangan serta tidak boleh menguruskan diri, beliau memulakan beberapa perniagaan kecil seperti dandanan dan solekan, katering kecil dan 'surprise delivery' untuk menyara keluarga. Beliau juga berpengalaman berkhidmat sebagai kerani am di pusat penyelaras ADUN. Mengambil peluang itu untuk membantu rakyat dalam segala masalah termasuk isu kewarganegaraan.

Perkongsian pengalaman:

"Pada mulanya saya tidak pasti mengenai Sidang Wanita Pulau Pinang ini. Saya jangkakan ia kursus untuk majukan operasi perniagaan saya. Namun, setelah mengharungi perjalanan Sidang Wanita 2022, banyak informasi mengenai penglibatan wanita dalam politik dipelajari daripada para aktivis dan ahli politik yang berkongsi pandangan dan falsafah mereka. Terima kasih PWDC, perjuangan saya akan berterusan."

Profil:

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada USM. Pernah bekerja sebagai Eksekutif Sistem Kualiti di sebuah kilang di Bayan Lepas selama 5 tahun sebelum memulakan perniagaan sendiri bermula tahun 2003 hingga kini. Terpilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Cemerlang yang menjadikan beliau kini menjadi rujukan kepada usahawan wanita lain. Berperanan juga sebagai Juruaudit untuk Lembaga Wanita Islam Negeri Pulau Pinang dan Naib Pengurus Titian Kasih. Penghargaan yang paling bernilai adalah Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M) pada Julai 2022.

Perkongsian pengalaman:


"Sebelum ini tumpuan hanya ke arah perniagaan dan keluarga. Kemudian timbul niat untuk membantu kaum wanita dalam mendapat kawalan hidup dan memperjuangkan nasib wanita dengan memberi ilmu dan kemahiran supaya wanita dapat berdikari. Sidang Wanita merupakan platform terbaik untuk memberi peluang kepada para wanita untuk mengasah potensi menjadi pemimpin yang hebat."

Profil:

Mempunyai latar belakang dalam bidang perubatan serta seorang pencinta alam semulajadi dan minat dalam usaha kitar semula. Aktif dalam kerja sukarela bersama beberapa NGO dalam lapangan kesihatan dan gaya hidup sihat. Mempunyai perniagaan sendiri yang menitikberatkan kelestarian alam untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan berharap lebih ramai masyarakat mempunyai kesedaran yang sama.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 jelas telah membuka mata saya betapa penglibatan wanita dalam politik penting dan mampu membuat perubahan besar untuk kebaikan semua lapisan masyarakat. Penglibatan wanita secara langsung dapat melengkapkan keperluan yang tidak dapat dilihat oleh golongan lelaki. Ia juga mengajar saya untuk bersikap terbuka untuk mendengar pandangan yang berbeza serta berani menyuarakan pendapat sesama perwakilan."

EXCO

**Puan Dr. Sakeena Zahidah
Mohamed Shah Redza**
N08 - Bagan Jermal
EXCO Belia Dan Sukan

EXCO

**Puan Siti Halijah
Kamarudin**
N12 – Penanti
**EXCO Agroteknologi &
Keselamatan Makanan,
Pembangunan Luar Bandar
Dan Kesihatan**

Ketua Pembangkang

Puan Zafrina Ismail
N05 - Sungai Dua

Profil:

Berlatarbelakangkan kelulusan doktor falsafah dalam bidang pengurusan, beliau kini seorang penyelidik di sebuah syarikat penyelidikan swasta. Mempunyai pengalaman lebih 10 tahun di dalam NGO terutamanya Pertubuhan IKRAM Malaysia. Kini tahun kelima beliau memegang jawatan sebagai Ketua Wanita Daerah di cawangan IKRAM Pulau Pinang. Beliau aktif dengan aktiviti kemasyarakatan, projek pembangunan komuniti, dan advokasi golongan sasaran wanita dan kanak-kanak.

Perkongsian pengalaman:

"Pengalaman menyertai sidang ini memberi gambaran yang lebih jelas kepada saya tentang proses bagaimana pelaksanaan sesuatu keputusan itu berlaku di peringkat membuat dasar. Hal ini penting sebagai didikan kepada masyarakat apabila diri sendiri melalui pengalaman dan proses tersebut. Saya amat galakkan wanita lain menyertai program sebegini kerana kita tidak akan dapat belajar sesuatu seperti ini hanya melalui pembacaan dan pengalaman sebenar adalah guru terbaik!"

Profil:

Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan & Pengajaran (Bahasa Kebangsaan) dari Open Universiti Malaysia. Berpengalaman dalam bidang pendidikan serta mempunyai 15 tahun pengalaman dalam mendidik jurusan sekolah Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan sukanan sekolah antarabangsa. Beliau juga mempunyai pengalaman dari segi pendidikan psikologi. Membantu budak yang bermasalah rumah (Kowaja). Serta Biro Bantuan Usahawan Muda (DPMM).

Perkongsian pengalaman:

"Saya berasa bangga terpilih menyertai Sidang Wanita 2022 kerana dapat belajar dan pengalaman lebih mendalam dalam bidang politik. Saya juga menimba pengalaman yang tidak dilupakan bekerja dengan petugas-petugas persidangan dan berkongsi idea yang amat beras. Saya berharap akan terus berjuang mempertahankan hak wanita serta memartabatkan wanita hingga wanita di pandang mulia oleh masyarakat."

Profil:

Beliau berkelulusan Ekonomi (Sarjana) serta penjawat awam di MARA Pulau Pinang selama 15 tahun sebagai Ketua Pembiayaan Perniagaan. Beliau pernah membentangkan jurnal di peringkat antarabangsa, beliau turut dijemput sebagai pensyarah undangan di UniRazak dan WOU.

Beliau cenderung ke arah mendorong keusahawanan kerana mempunyai ilmu yang agak luas berkaitan semua bidang perniagaan kerana pernah menghadiri lebih 40-50 kursus keusahawanan dan kewangan MARA.

Perkongsian pengalaman:

"Pengalaman yang amat bermakna sebagai Ketua Pembangkang dalam Sidang Wanita telah mengeluarkan ciri-ciri kepimpinan dan ketokohan dalam diri saya yang saya ragui. Ternyata platform yang diberi membuka ruang kepada saya untuk memperjuangkan hak sama rata kepada semua terutamanya wanita dengan lebih berani dan tegas. Yakin akan kemampuan diri serta sokongan wanita pelbagai kaum yang tidak berbelah bahagi, saya bersyukur dapat membuka NGO untuk mewakili mereka di persada yang lebih besar."

Pembangkang

Pembangkang

Pembangkang



Puan Mazni Ibrahim

N01 – Penaga



Puan Wong Ho Yuin

N02 - Bertam



**Puan Vikneswary
Harikrishnan**

N04 - Permatang Berangan

Profil:

Memperolehi Ijazah Sarjana Undang-undang (Dasar Awam dan Kepentingan Awam) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau mempunyai pengalaman lebih 16 tahun dalam pemerksaan komuniti orang asli, advokasi perundungan strategik, penglibatan belia dan pendidikan hak asasi manusia.

Beliau juga merupakan salah seorang penggerak utama di sebalik Persidangan Undang-undang Malaysia Antarabangsa 2012 yang julung kali diadakan oleh Majlis Peguam Malaysia. Pada masa ini, beliau sedang mengusahakan topik hukuman mati.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita memberi peluang kepada wanita untuk mengalami sendiri proses di belakang tabir sebagai seorang wakil rakyat. Ia memberi peluang kepada wanita untuk bertemu rakyat dan cara-cara menyantuni mereka, proses membahaskan isu-isu rakyat setempat bagi memastikan nasib mereka di ambil peduli, dan tatatertib dan mempelajari peraturan di Dewan Undangan Negeri yang mulia."

Profil:

Puan Wong adalah seorang yang aktif dalam aktiviti NGO. Beliau menyertai NGO seperti *JCI United Penang, Rose Charities Malaysia, Penang Chinese Chamber of Commerce (Youth Entrepreneur Section)* dan *Kong Min School Old Pupils' Association*.

Dalam bidang kepimpinan, beliau memegang jawatan sebagai penolong bendahari dalam *Kong Min School Old Pupils' Association*, AJK JKKK Thean Teik dan Setiausaha JKKK Thean Teik. Dalam bidang politik, beliau menyertai parti DAP sejak tahun 2016 dan memegang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha di DAP cawangan Air Itam pada tahun 2022/2023.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita memberi saya peluang memahami dalam bidang kuasa dan tanggungjawab sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan prosedur bahas di Dewan. Program ini menawarkan satu platform untuk golongan wanita melatih dan menceburi diri dalam bidang politik agar dapat melayakkan diri menjadi wakil rakyat."

Profil:

Menamatkan Ijazah Sarjana Muda di UNISEL kemudian berkhidmat sebagai pegawai Amanah Saham Bumiputera di CIMB SDN BHD. Melanjutkan Sarjana dalam pentadbiran perniagaan di Kolej INTI. Kini pelajar Ijazah Kedoktoran di Universiti Wawasan. Pengalaman ketika pandemik dan bencana yang melanda negara mendorong beliau untuk menyertai gerakan kesukarelaan dan akhirnya sebagai ahli parti politik MUDA.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 merupakan satu pencapaian bermakna bagi perjalanan karier politik saya sekali gus mengasah bakat kepimpinan. Saya berpendapat penglibatan wanita dalam dunia politik perlu diperluaskan di peringkat Dewan Rakyat. Jika seorang wanita mampu mengurus rumah dan keluarga kenapa tidak mengurus negara? Perubahan tidak akan terjadi jika kita tidak bertindak. Kitalah perubahan yang dicarikan."

Backbencher**Backbencher****Pembangkang****Puan Mawarni Zakariah**

N06 - Telok Ayer Tawar

**Puan Madhuri
Gunasekaran**

N09 - Bagan Dalam

**Puan Rusmawati Yusoff**

N10 - Seberang Jaya

Profil:

Seorang yang ceria dan mudah bertegur sapa dengan sesiapa sahaja tanpa mengira usia. Beliau merupakan lulusan graduan UITM Perlis 1989-1991 dalam jurusan Diploma Sains Kesetiausahaan. Memulakan kerjaya di Honda Motor sebagai pelatih dan kemudian berkecimpung dalam bidang Insurans di AMI Insurance dan kini berkhidmat sebagai Eksekutif Pentadbiran di Penang Development Cooperation (PDC) sejak tahun 1997 hingga kini.

Perkongsian pengalaman:

"Melalui platform ini hak-hak wanita kini banyak disuarakan, ia juga turut melatih dan mencungkil bakat-bakat baru untuk lebih berani bercakap dan berani tampil ke depan. Di samping itu, ia juga turut memberikan anjakan keyakinan diri serta melatih para wanita untuk lebih bersosial dengan wanita lain yang datang dari pelbagai bidang dan latar belakang. Hak-hak wanita di tempat kerja dan juga bidang keusahawanan banyak dibahas di dalam dewan."

Profil:

Merupakan seorang guru Bahasa Melayu selama 10 tahun. Pemegang Diploma Pendidikan TESL serta sedang melanjutkan pelajaran dalam Bidang Kesusastraan Melayu di Universiti Sains Malaysia. Selain itu beliau juga merupakan seorang pemeriksa kertas Bahasa Malaysia UEC. Banyak pengalaman saya dalam bidang pendidikan serta komitmen yang tinggi. Beliau banyak menolong pelajar dengan kelas percuma serta dengan kadar bayaran yang sangat rendah dalam menimba ilmu pengetahuan.

Perkongsian pengalaman:

"Pengalaman yang saya tidak dapat lupakan apabila diberikan peluang untuk mewakili KADUN serta mengambil langkah untuk mengetahui masalah penduduk serta yang paling tidak ternilai ialah menjekkan kaki di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya banyak menimba ilmu pengetahuan sepanjang program Sidang Wanita 2022 berlangsung dan berharap untuk terus berbakti kepada masyarakat dan negara."

Profil:

Beliau merupakan seorang yang aktif dalam bidang politik dan kemasyarakatan terutamanya hal-hal berkaitan isu kemiskinan dan juga kebajikan. Puan Rusmawati berhasrat untuk menjadikan masyarakat yang lebih penyayang dalam meningkatkan keharmonian pelbagai kaum di Malaysia.

Perkongsian pengalaman:

"Saya mempunyai masalah gemuruh apabila bercakap di hadapan orang ramai namun apabila saya menyertai Sidang Wanita 2022, saya dapat berkomunikasi dengan baik dan yakin dengan diri. Pengalaman yang sangat berharga buat saya di mana saya akan lebih berani tampil membawa isu wanita terutamanya isu keganasan terhadap wanita."

Backbencher



Puan Dr. Noormaizatul Akmar Ishak
N11 - Permatang Pasir

Backbencher



Puan Puspavali Munaindy
N13 – Berapit

Backbencher



Puan Yogamalar Chandran
N14 - Machang Bubuk

Profil:

Graduan *B.Eng in Electronics (Hons)* dari *University of Leeds, United Kingdom*, *MSc. In Information Management* dari *UiTM*, dan *Ph.D in Technology Management* di *Universiti Utara Malaysia*. Memulakan kerjaya sebagai jurutera di *R&D Division, PROTON Berhad* sebelum berpindah ke *Switching Planning Division, CELCOM Berhad* sebagai jurutera kanan. Menyertai *Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)* sebagai pensyarah sebelum dilantik sebagai Profesor Madya pada 2020.

Perkongsian pengalaman:

"Saya percaya wanita mesti berilmu dan beradab memahami politik. Peranan dan tanggungjawab seorang wakil rakyat wanita sangat penting terutama menguatkan sosioekonomi dan pendidikan sesebuah keluarga. Wanita selalu diangkat sebagai pimpinan ketika ada percanggahan antara pihak lelaki yang merebut jawatan. Saya percaya pemimpin wanita sedia ada perlu bijak melatih pelapis wanita yang lain untuk bersedia menggalas kepimpinan negeri dan negara."

Profil:

Merupakan seorang operator di sebuah kilang dengan tahap pendidikan tertinggi adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saya juga adalah seorang ibu tunggal yang mempunyai seorang anak perempuan berusia 15 tahun. Amat berminat dengan kerja-kerja sosial seperti membantu keluarga serta bergerak aktif dalam platform pertubuhan bukan kerajaan (NGO), selain turut memegang jawatan sebagai Setiausaha Kehormat

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita memang hebat. Banyak perkara yang saya dapat dipelajari, selepas belajar dengan para wanita hebat sepanjang program ini. Saya berasa amat bangga dengan pencapaian diri sendiri. Program ini juga mengajar wanita seperti saya boleh berdikari sendiri dan berani menghadapi cabaran."

Profil:

Seorang individu yang bertenaga dan bermotivasi dengan semangat yang tinggi dalam bidang mendidik anak-anak kecil dan pelajar sekolah. Pemegang Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan ini juga komited untuk menerapkan keseimbangan emosi serta memelihara dan memulihara pendidikan anak muridnya terutama dalam sudut kesihatan mental masyarakat.

Perkongsian pengalaman:

"Selepas menyertai Sidang Wanita Pulau Pinang 2022, saya semakin bersedia untuk menyumbang kepada golongan wanita untuk maju dengan wawasan negara, serta bersedia untuk mengasah lagi kemahiran dan pengetahuan sedia ada demi memperkasakan peranan wanita."

Backbencher

**Puan Baavatharani
Chandran**
N17 - Bukit Tengah

Backbencher

**Puan Bagseswari M
Subramaniam**
N18 - Bukit Tambun

Backbencher

**Puan Siti Nur
Jannatulna'em Abd Hamid**
N19 – Jawi

Profil:

Seorang yang aktif dan merupakan sebahagian daripada Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang memegang jawatan selaku Naib Yang Dipertua Kampus Jeli. Mempunyai pemikiran positif dan berminat mempelajari dan menimba pengalaman dalam bidang kepimpinan dan kemahiran praktikal kerana mahu berkhidmat kepada komuniti. Sering terlibat aktif sejak di bangku sekolah hingga ke peringkat universiti, selain itu turut melibatkan diri dalam program pemerksaan wanita seperti *The Girls 4 Girls (G4G) Malaysia*.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita telah berjaya mengasah kemahiran saya terutama sekali kemahiran dalam berkomunikasi secara verbal dengan individu sama ada dalam dan luar organisasi. Ini merupakan pengalaman yang amat manis dan akan saya ingati sebagai pembakar semangat untuk maju pada masa hadapan."

Profil:

Merupakan pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Abertay Dundee, Scotland. Kerap melibatkan diri dalam pelbagai NGO di Pulau Pinang. Pernah berkhidmat di sebuah bank tempatan bermula tahun 2010 sebelum menceburkan diri dalam bidang insurans dan kini merupakan seorang usahawan wanita yang bangga dengan perniagaan milik sendiri. Bercita-cita untuk menjadi seorang wakil rakyat yang berhemah tinggi demi membantu wanita khususnya ibu tunggal dan warga emas.

Perkongsian pengalaman:

"Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Begitulah terjemahan potensi sebenar saya sepanjang mengikuti Sidang Wanita 2022. Pengisian padat sepanjang empat fasa mengasah kebolehan pengucapan awam dan advokasi saya berbahas secara efektif menyampaikan mesej. Rasa sangat teruja apabila mendapat sokongan daripada para peserta lain yang turut berkobar-kobar ingin memperkasakan penglibatan politik mereka."

Profil:

Memegang Sijil Hotel & Katering dari Kolej Komuniti Sungai Petani. Merupakan seorang usahawan dengan menubuhkan syarikat Jannah Computer Sdn Bhd dari tahun 2008 sehingga sekarang. Pengarah di syarikat Jannah Computer Sdn Bhd. Aktif dalam kesukarelaan bersama masyarakat seperti bantuan banjir dan sebagainya. Beliau berhasrat memperjuangkan hak dan nasib wanita terutama dikalangan suri rumah sepenuh masa dan kanak-kanak Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam mempertingkatkan keupayaan diri dan menambah pendapatan pada golongan tersebut.

Perkongsian pengalaman:

"Sebelum menyertai Sidang Wanita 2022, saya mempunyai kurang keyakinan terhadap diri sendiri, namun setelah saya mengikuti proses pemilihan dan berjaya terpilih 40 peserta akhir. Keyakinan diri saya makin baik kerana dikelilingi oleh wanita-wanita hebat lain yang terdiri daripada kalangan profesional dan akademik. Minat terhadap politik semakin subur kerana melalui platform ini saya berpeluang untuk berkhidmat membantu wanita dan negara."

Backbencher



Puan Noor Azizah Abdul Razak
N20 - Sungai Bakap

Pembangkang



Puan Zubaydah Zamri
N21 – Sungai Acheh

Backbencher



Puan Nooriza Ilias
N24 - Kebun Bunga

Profil:

Merupakan seorang usahawan dalam bidang penyediaan makanan hampir 30 tahun dan kini membina perniagaan dalam bidang makanan. Beliau merupakan sukarelawan aktif dalam pertubuhan kebajikan. Pernah menjadi moderator di beberapa kumpulan NGO dan tahun ini adalah penggal terakhir buat saya sebagai seorang Ketua Puteri Penerangan setelah hampir 10 tahun memegang jawatan tersebut.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang wanita 2022 telah banyak memberi pengalaman yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh sesiapa pun yang menyertainya. Peluang berjumpa dengan Dato' Seri Dr. Wan Azizah secara bersemuka adalah kenangan yang paling indah. Selepas penyertaan saya dalam sidang wanita ini ingin saya kongsikan bahawa kenalan saya ke arah politik ni makin kukuh."

Profil:

Beliau seorang yang aktif menjalankan aktiviti kebajikan serta memiliki perniagaan makanan "Heathy Food - Nature Bites Kitchen". Objektif menjalankan perniagaan makanan sihat untuk mencari dana bagi tabung kebajikan iaitu, 3M (Muhammad Muhammin Mission). Sumbangan dana ini terbahagi kepada dua unit "Cancer Support Kit" dan "Care & Kindness Support". Beliau kini sedang menuntut dalam kursus Ijazah Pengurusan Psikologi selain turut mempunyai pengalaman bekerja sebagai pentadbir am di Wawasan Open University (WOU) lebih 10 tahun.

Perkongsian pengalaman:

"Sebelum saya menyertai Sidang Wanita, saya terlibat aktif dalam kerja kebajikan dan perniagaan Healthy Food selama tiga tahun. Alhamdulillah, apabila saya diberi peranan sebagai Pembangkang, KADUN Sungai Acheh, Balik Pulau. Ia merupakan kawasan di luar bandar dan saya berharap sistem sokongan sewajarnya dapat diperkasakan khusus buat golongan wanita."

Profil:

Telah lama berjinak dengan politik. Pernah menjawat jawatan setiausaha Dewanita - Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang dan Usahanita Pulau Pinang, Ketua Cawangan dan Bendahari JKJK kampong dan Naib Yang di Pertua di dua buah sekolah di Butterworth. Beliau kini bertugas sebagai Pengurus di syarikat milik keluarga. Minat beliau dalam pelancongan telah membawa beliau ke beberapa negara di dunia seperti England, Perancis, Oman, Qatar , Vietnam, Thailand, Singapura, Indonesia dan Arab Saudi.

Perkongsian pengalaman:

"Pernah saya berangan-angan ingin masuk ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebagai pemerhati. Alhamdulillah dengan adanya Sidang Wanita ini bukan sahaja membolehkan saya berpeluang untuk masuk ke dalam dewan Undangan Negeri tetapi dapat berbahas sebagai wakil rakyat. Ini adalah satu anugerah yang tak ternilai. Semoga impian saya untuk terus bersidang sebagai wakil rakyat yang berintegriti menjadi kenyataan pada satu hari nanti. "No one can make you feel inferior without your consent."

Backbencher**Puan Soraya Salim**

N25 - Pulau Tikus

Backbencher**Puan Suhaili Aainaa Shahruddin**

N27 – Pengkalan Kota

Backbencher**Puan Rosilawati Toleh**

N28 - Komtar

Profil:

Berkelulusan Sarjana Undang-Undang (LL.M) dari Universiti Malaya dan Sarjana Muda Undang-Undang & Shari'ah (LL.B Shari'ah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Berpengalaman lebih 15 tahun sebagai peguam korporat di organisasi multinasional. Mengetuai Biro Undang-undang Wanita Amanah Nasional dan sering diundang sebagai panelis dan moderator dalam forum dan webinar. Artikel-artikel tulisan beliau disiarkan di portal-portal media tempatan. Kini menyandang jawatan Ketua Penerangan Wanita Pakatan Harapan Malaysia dan Setiausaha Wanita Amanah Nasional, Parti Amanah Negara, selain memimpin NGO Pertubuhan Wanita untuk Advokasi & Pemberdayaan (WAVE).

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 bukan sekadar mencungkil kelebihan kepimpinan wanita malah menjadi wadah penting bagi kami memberikan input konstruktif untuk turut menyumbang idea dalam kelestarian pembangunan Pulau Pinang, khususnya dalam pemerkaasan wanita, keluarga dan komuniti. Inisiatif ini harus diangkat ke peringkat Parlimen agar 30% representasi kepimpinan wanita dapat segera dicapai."

Profil:

Beliau merupakan (Kumpulan 'Lady Truckers' Malaysia) pemandu lori wanita 20 tan yang cekal dan tegas. Beliau juga seorang ibu tunggal yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan perhubungan awam. Beliau juga mempunyai kelebihan menguasai beberapa bahasa, kepelbagaiannya perkerjaannya telah mendidik dirinya beretika dan berdedikasi tinggi.

Perkongsian pengalaman:

"Saya menyertai Sidang Wanita kerana ingin menimba pengalaman sebanyak mungkin dan meluaskan pandangan terhadap isu-isu melibatkan wanita yang diketengahkan. Saya sangat berpuas hati dan ini menyuntik pemikiran positif apabila dapat faham lebih mendalam mengenai perjuangan wanita dalam arena politik pada masa kini dan saya memberi sokongan penuh agar program seumpama ini diteruskan."

Profil:

Beliau merupakan seorang ibu tunggal yang sangat aktif dalam badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), AJK MPKK Bangkok Lane (Biro Kebajikan dan Sukarela), Persatuan Ibu Tunggal Mutiara Pulau Pinang sebagai Pengurus Bahagian Tanjung dan banyak lagi. Dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2020 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi pemangkin semangat beliau untuk terus berbakti mahupun cuma berbekalkan pengalaman dan pendidikan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Perkongsian pengalaman:

"Sebelum menyertai Program Sidang Wanita Pulau Pinang ini saya hanya menyertai program-program anjuran secara dasar sahaja, apabila bergelar sebagai ADUN Komtar, ia telah memberi pengalaman baru untuk saya dalam membuat kajian dan cadangan sebagai wakil persidangan. Malah dengan bertemu dengan banyak golongan profesional Wanita yang lain berkongsi idea serta bertukar pendapat memberi saya semangat untuk meneruskan usaha saya dalam mewakili wanita dalam apa jua aktiviti."

Backbencher



Puan Tan Lay Pheng

N30 - Sungai Pinang

Backbencher



Puan Sumathi Sundrarajoo

N31 - Batu Lancang

Backbencher



Puan Ruslina Husain

N32 - Seri Delima

Profil:

Pemegang Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) dan Sarjana Sastera (Pengurusan) dengan bidang pengajian Perlakuan Organisasi dari Universiti Sains Malaysia (USM). Merupakan seorang penterjemah bertauliah. Bergelar suri rumah selepas kelahiran anak pertama. Menjalankan kerja sambilan sebagai seorang penterjemah & menubuhkan 'MZMZVenture Translation' yang memberikan perkhidmatan penterjemahan profesional termasuk terjemahan dinotari dan disahkan dan diakui oleh semua institusi dan organisasi.

Perkongsian pengalaman:

"Pengalaman menjadi ADUN di Sidang Wanita 2022 amat bermakna. Ia menjadikan saya lebih faham tentang struktur dan fungsi DUN di Pulau Pinang serta lebih peka terhadap hal-hal politik dan hak wanita. Semoga pengalaman itu dapat memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara."

Profil:

Berumur 44 tahun dan mempunyai perniagaan sendiri. Merupakan Pengurus dan pengasas Persatuan Kebajikan Warisan Pulau Pinang dan Setiausaha Pasar Awam Seberang Jaya. Merupakan seorang yang aktif dalam menganjur dan mengurus aktiviti ke sukarelawan dan kemasyarakatan sekitar Pulau Pinang. Berhasrat untuk membantu meringankan beban golongan B40 dan perjuangkan kesejahteraan keluarga dan juga jalinan perpaduan antara kaum dengan mempertimbangkan aktiviti pemupukan keharmonian etnik.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita Pulau Pinang menyediakan satu platform kepada golongan wanita daripada pelbagai latar belakang supaya lebih memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Program ini juga dapat mencungkil bakat wanita dan meyakinkan wanita untuk tampil ke hadapan."

Profil:

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Pengurusan Pekerjaan selain turut berperanan sebagai Ketua Jemaah Umrah bagi Syarikat Syarikat Kristal Aswad Services. Mempunyai pengalaman luas sebagai pendakwah selain merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah di Yayasan Islam Kedah (Yink Niaga), Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Merbok. Aktif dalam kerja politik di akar umbi selaku Ketua Angkatan Wanita Amanah Kawasan Merbok, Naib Ketua Angkatan Wanita Amanah Kedah, Penyelaras Dun Tanjung Dawai serta merupakan Pengurus Whins Kedah (Wanita Harapan Inspirasi Nusa Kedah).

Perkongsian pengalaman:

"Ini merupakan pengalaman berharga apabila dapat berada dalam Dewan Undangan Negeri selain bersama perwakilan lain menerima tunjuk ajar dan teguran langsung daripada Dato' Speaker. Sidang Wanita adalah satu platform yang sangat membina untuk kita terus melangkah sebagai wanita hebat dan selaku penggubal dasar dan membuat keputusan suatu hari nanti."

Backbencher**Backbencher****Backbencher**

**Puan Jasniza
Jamaluddin**
N33 - Air Itam



**Puan Sharenia
Gunasagaran**
N35 - Batu Uban



**Puan Siti Balkhis
Husain**
N36 – Pantai Jerejak

Profil:

Berkhidmat sebagai Penolong Ketua Pegawai Operasi di Unit Mutiara Food Bank Pulau Pinang yang membantu dari sudut keselamatan makanan, kebajikan dan menyantuni masyarakat setempat. Anak jati Pulau Pinang yang mendapat pendidikan dalam bidang teknologi maklumat (IT) serta punya pengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia di sebuah syarikat swasta sebelum menyertai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Pulau Pinang.

Perkongsian pengalaman:

"Selepas menyertai Sidang Wanita ini, diri lebih yakin bertutur di depan khalayak orang ramai untuk menyuarakan pendapat, ianya salah satu bakat diperlukan dalam perkhidmatan seorang aktivis atau sukarelawan untuk sentiasa mengasah idea dan menyakinkan orang ramai. Ini merupakan pembakar semangat untuk saya bergerak lebih aktif. Saya menyeru agar lebih ramai kaum wanita menyertai dan menjadi suara rakyat dalam mengubah dan membuat keputusan serta membantu pemimpin-pemimpin wanita di Pulau Pinang untuk terus melakar sejarah demi masa depan anak kita semua."

Profil:

Merupakan mahasiswi tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pemakanan di Universiti Sultan Zainal Abidin dan seorang yang aktif dalam kerja-kerja sukarelawan dan aktivisme. Sering terlibat secara aktif dalam program anjuran pihak universiti atau NGO sama ada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Beliau turut aktif menganjurkan program selaku pengarah program dalam usaha pembangunan sahsiah dan intelektual dalam kalangan mahasiswa.

Perkongsian pengalaman:

"Saya percaya bahawa peranan wanita bukan sahaja di dapur namun boleh dan mampu menyumbang dalam pembangunan negara. Setiap wanita perlu dilayan secara saksama dan dihormati tidak kira bangsa, darjah, umur dan statusnya. Banyak yang saya pelajari sepanjang berada di Sidang Wanita Pulau Pinang 2022."

Profil:

Merupakan seorang usahawan wanita dalam bidang perhotelan dan telah membuka perniagaan penginapan iaitu Hotel Jerai Ct Inn sejak tahun 2018. Aktif sebagai aktivis masyarakat melalui beberapa NGO selain membantu masyarakat termasuk bergerak aktif menghantar bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam dan banjir. Aktif dalam parti politik sejak tahun 2015 melalui Parti Amanah Negara. Jawatan terkini dalam parti sebagai AJK Amanah Negeri Kedah dan juga sebagai Ketua Wanita Kawasan Jerai serta mengetuai Biro Kesenian dan Kebudayaan Kedah.

Perkongsian pengalaman:

"Sebelum ini saya memang terdedah dan melibatkan diri dalam politik, namun pengalaman menyertai Sidang Wanita ini umpama pucuk dicita ulam mendatang kerana beri pengalaman dan ilmu yang sangat diperlukan. Banyak ilmu dan perkongsian yang dapat memberi inspirasi dan bimbingan untuk saya bergerak di platform yang tepat sebagai ahli politik. Berazam untuk bawa suara wanita untuk diketengahkan agar dapat perhatian oleh kerajaan yang memerintah."

Backbencher

Backbencher

Pembangkang



**Puan Subhanisha Sultan
Mohamed**
N38 - Bayan Lepas



**Puan Umaa Maheswarii
Kunasagar**
N39 - Pulau Betong



**Puan Ratanamala
Thannimalay**
N40 - Teluk Bahang

Profil:

Merupakan seorang usahawan dalam bidang fesyen, menjahit dan pengurusan acara serta memiliki perniagaan sendiri di bawah jenama Rafanda Fashion dan Royal Queen Wedding Planner. Pernah memenangi Anugerah Usahawan dari PWDC pada tahun 2022. Seorang yang aktif dalam membantu secara sukarela untuk wanita yang berminat dalam bidang perniagaan. Turut aktif melibatkan diri dalam sebuah NGO iaitu Pertubuhan Bersama Usahawan Wanita Pulau Pinang (UniWEPP) dan diamanahkan sebagai Bendahari.

Perkongsian pengalaman:

"Sidang Wanita adalah sebuah platform yang membawa diri saya ke satu peringkat yang lain, di sini saya berpeluang mengenali ramai wanita hebat yang berpengaruh dalam pelbagai bidang. Satu pengalaman yang amat menarik dan berbangga apabila merupakan salah seorang yang terpilih untuk bersidang di DUN. Golongan wanita harus bijak merebut peluang perniagaan secara kecil dan sederhana bagi menambah pendapatan keluarga sekali gus menjadikan mereka golongan berdikari serta mempunyai mata pencarian sendiri."

Profil:

Merupakan pascasiswazah yang mengambil kursus Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Berinspirasi menyertai persidangan ini adalah untuk menjadi individu yang sentiasa ingin mendidik diri dan mempelajari perkara baru. Beliau juga berhasrat memperoleh pengalaman untuk berinteraksi dengan wanita-wanita lain yang berkaliber dan berpengetahuan luas agar dapat melatih dirinya menjadi seorang insan yang berdaya saing secara sihat.

Perkongsian pengalaman:

"Pengalaman saya sebagai ADUN Pulau Betong amat unik dan telah memberi saya pengalaman manis yang banyak membuka minda. Perkenalan saya bersama wanita-wanita berpotensi yang lain memberi saya peluang untuk menjadi seorang yang berkeyakinan diri untuk bercakap dan bertukar pandangan."

Profil:

Merupakan ahli perniagaan dan juga pemegang ijazah dalam bidang perniagaan dan psikologi dari Kolej Nirwana Kuala Lumpur. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang kaunseling dan aktif dalam kerja-kerja kesukarelawan serta turut bergiat aktif selaku pengasas di sebuah badan bukan kerajaan (NGO). Kerap melibatkan diri bersama pihak sekolah bagi tujuan membimbang pelajar yang bermasalah. Salah seorang yang aktif bersama kerja sukarelawan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang sewaktu Covid-19 melanda negara.

Perkongsian pengalaman:

"Peluang bersidang di DUN Pulau Pinang merupakan impian saya untuk menjadi wakil rakyat. Ini merupakan percubaan kali kedua saya untuk cuba bersidang selepas hanya bergelar pembantu EXCO pada sesi Sidang Wanita yang lepas. Berharap dengan peluang ini akan membuka ruang memperjuangkan hak wanita dalam landasan politik."

“ Sentiasa siapkan diri untuk belajar dari bawah. Mulakan dengan buat kerja sukarelawan secara aktif dan kerja-kerja parti, dari situ **bina profil diri sebagai ahli politik** sebelum tawarkan diri untuk bertanding dan berkhidmat ”

YB Puan Lim Siew Khim



ADUN Sungai Pinang



Statistik & Demografi Perwakilan

Statistik Peserta Mengikut Etnik

Etnik	Bilangan	Peratusan (%)
Melayu	23	58
Cina	5	13
India	12	30
Jumlah	40	100





Statistik Peserta Mengikut Daerah Tempat Tinggal

Daerah	Bilangan	Peratusan (%)
Timur Laut	12	30
Barat Daya	9	23
Seberang Perai Utara	3	8
Seberang Perai Tengah	5	13
Seberang Perai Selatan	2	5
Luar Pulau Pinang	9	23
Jumlah	40	100

- Timur Laut
- Barat Daya
- Seberang Perai Utara
- Seberang Perai Tengah
- Seberang Perai Selatan
- Luar Pulau Pinang

Statistik Peserta Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan (%)
SPM	6	15
Diploma	9	23
Sijil Profesional	2	5
Sarjana Muda	13	33
Sarjana (Master)	5	13
Ijazah Tinggi	5	13
Jumlah	40	100




Statistik Peserta Mengikut Keahlian Parti Politik


Parti Politik	Bilangan	Peratusan (%)
PKR	4	10
DAP	4	10
Amanah	6	15
UMNO	1	3
Muda	2	5
Bukan Ahli	23	58
Jumlah	40	100

Statistik Peserta Mengikut Ahli Parti atau Bukan Ahli Parti

Keahlian Parti	Bilangan	Peratusan (%)
Ahli Parti	17	43
Bukan Ahli Parti	23	58
Jumlah	40	100



Pelan Tempat Duduk Perwakilan



DEWAN PERSIDANGAN

PUAN SUMATHI SUNDRA RAJOO N17 - BATU LANCANG	PUAN YOGAMALAR CHANDRAN N14 - MACHANG BUBUK	PUAN TAN LAY PHENG N30 - SUNGAI PINANG	PUAN ROSILAWATI TOLEH N28 - KOMTAR	PUAN NOOR AZIZAH ABDUL RAZAK N20 - SUNGAI BAKAP	PUAN SITI HALIJAH KAWARUDIN N12 - PENANTI	PUAN DR. SAKEENA ZAHIDAH N08 - BAGAN JERMAL	PUAN WIN WIN HTEH N34 - PATA TERUBONG	TETAMU JEMPUTAN	TETAMU JEMPUTAN
PUAN BAAVATTHARANI CHANDRAN N17 - BUKIT TENGAH	PUAN SITI BALKHIS HUSAIN N36 - PANTAI JEREJAK	N23 - AIR PUTEH		PUAN ZAINUN YUSOFF N37 - BATU MAUNG	PUAN KARTHIYAINI GOPAL N22 - TANJONG BUNGA	PUAN ROOS LAILAWATI MAT JOHAR N07 - SUNGAI PUYU			
PUAN SHAREENIA GUNASAGARAN N35 - BATU UBAN	PUAN NOORIZA ILIAS N24 - KEBUN BUNGA	PUAN MADHURI GUINASEKERAN N09 - BAGAN DALAM	PUAN RUSMAWATI YUSOFF N10 - SEBERANG JAYA	PUAN NALINA DEVI APPLAINAIDU N16 - PERAI	PUAN DR. SHEREZA MOHAMMED SANIFF N03 - PINANG TUNGGAL	TETAMU JEMPUTAN			
PUAN SITINUR JANNATULINA EM ABD. HAMID N19 - JAWI	PUAN SORAYA SALIM N25 - PULAU TIKUS	PUAN RUSLINA HUSAIN N32 - SERI DELIMA	PUAN RATANAMALA THANNIMALAY N40 - TELOK BAHANG	PUAN MAZNI IBRAHIM N01 - PENAGA	PUAN VIKNESWARY HARIKRISHNAN N04 - PERMATANG BERANGAN	SETIAUSAHA DUN	SETIAUSAHA DUN		
PUAN UMAA MAHESWARI KUNASAGARAN N39 - PULAU BETONG	PUAN SULTAN MOHAMED N38 - BAYAN LEPAS	PUAN DR. NOORMAIZATUL AKMAR ISAK N11 - PERMATANG PASIR	PUAN JASMINA BINTI JAMILUDDIN N33 - AIR ITAM	PUAN WONG HO YUIN N02 - BERITAM	YANG DI-PERTUA DEWAN YB. DATO' LAW CHOO KIANG				
PUAN BAGESWARI SUBRAMANIAM N18 - BUKIT TAMBUN	PUAN SUHAILI AAINA SHAHRUDDIN N27 - PENGKALAN KOTA	PUAN ZAFRINA ISMAIL N05 - SUNGAI DUA KETUA PEMBANGKANG	PUAN ZUBAYDAH ZAMRI N21 - SUNGAI ACHEH	PUAN MAWARNI ZAKARIAH N06 - TELOK AYER TAWAR	PUAN PUSPAVALI MUNAIDY N13 - BERAPIT				

04

PENGHARGAAN, INFORMASI & BULETIN



Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2022 & Sekretariat



Penuang

YB Puan Chong Eng

EXCO Pembangunan Sosial
& Hal Ehwal Bukan Islam



Pengerusi
Jawatankuasa Petugas

**YB Puan Fadhlina
Sidek**

Ahli Parlimen Nibong Tebal
Menteri Pendidikan Malaysia



Jawatankuasa
Petugas

**YB Puan Hajah
Aiman Athirah Sabu**

Ahli Parlimen Sepang
*Timbalan Menteri Pembangunan
Wanita, Keluarga & Masyarakat*



Jawatankuasa
Petugas

**YBrs Puan
Kasthuriraani Patto**

Ahli Lembaga Pengarah
PWDC



Jawatankuasa
Petugas

**YB Puan Lim
Siew Khim**

ADUN Sungai Pinang



Jawatankuasa
Petugas

**YB Puan Syerleena
Abdul Rashid**

ADUN Seri Delima
Ahli Parlimen Bukit Bendera



Jawatankuasa
Petugas

**YBrs Puan Ong
Bee Leng**

Ketua Pegawai Eksekutif
PWDC



Ketua Sekretariat

**Encik Izwan Ali
Imran Wazani**

Pegawai Kanan Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan



Sekretariat

**Encik Amirul Aiman
Anuar**

Pegawai Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan



Sekretariat

**Puan Rafieqah
Mohd Razlan**

Pegawai Kanan Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan



Sekretariat

**Puan Nurul Hanis
Isnin**

Pegawai Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan



Sekretariat

**Puan Mazidah
Musa**

Pegawai Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan



Sekretariat

**Encik Muhammad
Farid Arsyad Foad**

Pegawai Program
Pemerkaasan Wanita Dan
Kepimpinan

Penerbitan

- Puan Ong Bee Leng
- Encik Amirul Aiman Anuar
- Encik Izwan Ali Imran Wazani

Pelapor

- Encik Amirul Aiman Anuar

Pelapor Lapangan

- Encik Amirul Aiman Anuar
- Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
- Puan Syahfah Hawa Zamzuri
- Puan Shahira Parvin binti Dato' Abdul Aziz
- Puan Ragini Gunasekaran
- Puan Siti Fari Hah Zonol
- Puan Aiman Fashehah Ahmad
- Encik Ahmad Afiq Akmal
- Puan Mazidah Musa
- Puan Shameera Nasreen Ahamed Noordeen

Pembantu Sekretariat

- Puan Mily Goh Huey Ee
- Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
- Puan Ragini Gunasekaran
- Puan Nurul Syazwani Shafery
- Puan Rathiga Kathervallo Pellai
- Puan Dr. Lalitha Ramasamy
- Puan Nur Amelia Osman
- Puan Khor Kar Tien
- Puan Nurul Syazwani Binti Shafery
- Puan Rabikha Hasni Suparman
- Puan Noor Zamzuraida Noordin
- Puan Fazira Ahmad Riduan
- Puan Jamaliah Jamil
- Puan Sangeetha Animolom

Sekalung Penghargaan

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail
Mantan Timbalan Perdana Menteri

YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

YB Dato' Law Choo Kiang
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB Dato' IR. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1

YB Prof. Dr. P. Ramasamy Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

YB Puan Chong Eng
EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam

YB Tuan Jagdeep Singh Deo Karpal Singh
EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa

YB Tuan Phee Boon Poh
EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan

YB Tuan Zairil Khir Johari
EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan

YB Dato' Haji Abdul Halim Haji Hussain
EXCO Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan

YB Tuan Yeoh Soon Hin
EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif

YB Tuan Soon Lip Chee
EXCO Belia Dan Sukan

YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin
EXCO Agroteknologi & Keselamatan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

YB Puan Nicole Tan Lee Koon
EXCO Negeri Sembilan

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen
ADUN Pengkalan Kota

YB Tuan Chris Lee Chun Kit
ADUN Pulau Tikus

YB Tuan Goh Choon Aik
ADUN Bukit Tambun

YB Tuan Joseph Ng Soon Siang
ADUN Air Itam

YB Tuan H'ng Mooi Lye
ADUN Jawi

YB Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad
ADUN Telok Ayer Tawar

YB Puan Lim Hui Ying
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

YB Cik Amira Aisyah Abdul Aziz
ADUN Puteri Wangsa

YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani
Ahli Lembaga Pengarah PWDC

YBhg Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah
Ahli Lembaga Pengarah PWDC

YBrs Puan Ong Bee Leng
Ketua Pegawai Eksekutif PWDC

YBrs Puan Aida Yusuf Rawa
Pegawai Penyelaras KADUN Penaga

YBrs Puan Connie Tan Hooi Peng
Ahli Majlis MBPP



PWDC Pulau Pinang X PH Gem Negeri Sembilan

Perkongsian Pengalaman dan Penganjuran Sidang Wanita Negeri Sembilan

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menerima jemputan khas daripada YB Puan Nicole Tan Lee Koon, EXCO Hal Ehwal Wanita & Kebajikan Negeri Sembilan untuk membuat perkongsian pengalaman bersama Power House Wanita Gemilang (PH Gem).

Negeri Sembilan melalui PH Gem berhasrat untuk mempelajari dengan lebih mendalam selok-belok pengurusan dan penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang. Pada 7 Oktober 2022, PWDC telah menghantar pasukan yang menguruskan Sidang Wanita Pulau Pinang untuk membuat perkongsian iaitu Encik Izwan Ali Imran Wazani, Encik Amirul Aiman Anuar, Puan Hanis Isnin dan Puan Mazidah Musa.

Bertempat di Palm Hotel Seremban, seramai 19 penyelia PH Gem dari 8 Parlimen di Negeri Sembilan hadir pada sesi tersebut. Pertemuan dimulakan dengan sesi pengenalan Gender dan Jantina yang dikendalikan oleh Encik Izwan Ali Imran Wazani yang merupakan Pegawai Kanan Pemerksaan Wanita dan Kepimpinan PWDC.

Sesi yang kedua diteruskan dengan perkongsian pengalaman dan pengurusan yang lebih

teknikal dalam mengendalikan penganjuran Sidang Wanita. Perkongsian ini adalah secara menyeluruh bermula dari proses menjemput peserta sehingga penyediaan laporan dan penerbitan.

Puan Hanis Isnin memberikan taklimat asas penggunaan perisian Microsoft EXCEL untuk menguruskan Pangkalan Data Peserta dan mengisi markah dan penjumlahan. Manakala Puan Mazidah Musa berkongsi tatacara proses menguruskan Soalan Lisan dan Soalan Bertulis.

Encik Amirul Aiman Anuar membuat perkongsian pengurusan menyediakan laporan penuh Sidang Wanita Pulau Pinang. Selain itu, beliau juga turut berkongsi proses menyediakan penerbitan Sidang Wanita Pulau Pinang untuk edaran ke seluruh negara.

Perkongsian pengalaman ini mendapat maklum balas yang baik daripada para penyelia PH Gem yang berpuas hati dengan perkongsian yang boleh diguna pakai di Negeri Sembilan. Pasukan PWDC turut dijemput sebagai pemerhati proses saringan pertama Sidang Wanita Negeri Sembilan 2022.

79 Saringan pertama Simulasi Sidang DUN Wanita Negeri Sembilan.

80 Ucapan aluan oleh YB Puan Nicole Tan Lee Koon.





Majlis Pelancaran Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang

Platform Penggerak Alumni Perwakilan Sidang Wanita.

Selepas penangguhan Mesyuarat Ketiga Sidang Wanita Pulau Pinang 2022, satu majlis pelancaran Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang (ASWIP) telah diadakan. ASWIP telah diilhamkan oleh YB Dato' Law Choo Kiang dan proses penubuhannya telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Alumni Sidang Wanita.

Pertubuhan ini telah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada Januari 2022 dengan keahlian khusus untuk bekas peserta Sidang Wanita Pulau

Pinang. Puan Mily Goh Huey Ee telah dipilih sebagai Pengurus Pertubuhan bagi penggal yang pertama.

Majlis pelancaran ASWIP telah disempurnakan oleh YB Dato' Law Choo Kiang sambil disaksikan oleh YB Puan Fadhlina Sidek, YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu, Puan Ong Bee Leng dan Puan Mily Goh Huey Ee.

Perwakilan Sidang Wanita 2022 yang baru sahaja selesai bersidang telah dilantik secara automatik sebagai ahli ASWIP.

Perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang Yang Telah Berkhidmat Sebagai Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)



**Puan Connie Tan
Hooi Peng**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2014 - Kini



**Puan Tan
Soo Siang**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2020 - Kini



**Puan Goh
Huey Ee**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2023 - Kini

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)



**Puan Heng Yeh
Shiuan**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2016 - Kini



**Puan Rachel Teh
Chuann Yien**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2021 - Kini



**Puan Normahani Binti
Muhamad**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2023 - Kini



**Puan Noor
Azuawati**

Perwakilan 2020
Lantikan : 2020 - 2023

30% Perwakilan Wanita: Tekad Atau Propaganda Politik?

Wacana Mengarusperdanakan Undi Wanita Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15

Sejurus pembubaran Parlimen oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada 10 Oktober 2022 lalu, lazimnya pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 60 hari. Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) ditunjangi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang termaktub dalam perlumbagaan.

Meneliti bahang menjelang PRU-15, tiga panel wanita disatukan dalam wacana secara dalam talian di aplikasi ZOOM iaitu YB Datuk Wira Mas Ermeyati Samsudin serta YB Senator Puan Fadhlina Sidek yang juga calon PRU-15 bagi kawasan masing-masing. Turut serta, YBrs Dr. Sharifah Syahirah S. Shikh iaitu ahli akademik tempatan bersama dalam forum satu jam itu. Dikendalikan Puan Haziqah Nasirah Zol Bahari, Pengurus Bahagian Keterangkuman Gender PWDC yang bertindak selaku moderator.

Kira-kira 115 pemimpin wanita dalam komuniti dan ahli wanita daripada parti politik termasuk peserta dari Sidang Wanita Pulau Pinang dan jemputan khas turut mengambil bahagian menyemarakkan lagi Forum Wanita Memilih. Perbincangan mengenai betapa pentingnya peranan wanita mencorak tumpuk pemerintahan negara yang berpaksikan prinsip demokrasi. Juga turut dibangkitkan isu sasaran sebanyak 30% wanita untuk mengisi kerusi dalam Dewan Rakyat hangat disentuh.


Sebanyak tiga pusingan soalan dikendalikan moderator sebelum membuka ruangan kepada audiens untuk sesi soal jawab bersama panel sebelum ketiga-tiga panel jemputan diberi pusingan terakhir untuk sebarang perkongsian, saranan, idea dan seterusnya konklusi untuk dijadikan panduan buat wanita menjelang PRU-15.



81 Risalah edaran Forum Wanita Memilih.

82 Forum dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi ZOOM.

83 Sebahagian penonton yang mengikuti melalui aplikasi ZOOM.



Pilihan Raya Umum Ke-15

Tahniah dan Syabas kepada calon wanita atas kemenangan pada Pilihan Raya

“32 calon wanita berjaya mendapat mandat rakyat”

Terima kasih kerana terus mendukung usaha ke arah merealisasikan kesaksamaan gender sekali gus menjadi suara wanita di Dewan Rakyat.

– **Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC**



**YB Puan Hajah Aiman
Athirah Sabu**
Ahli Parlimen Sepang
Timbalan Menteri Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YB Puan Lim Hui Ying
Ahli Parlimen Tanjung
Timbalan Menteri Pendidikan

**YB Puan Syerleena
Abdul Rashid**
Ahli Parlimen Bukit Bendera



Glosari

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ASWIP	Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang
Backbencher	Penyokong Kerajaan
DKG	Dasar Keterangkuman Gender
DUN	Dewan Undangan Negeri
EPAINPP	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang
EXCO	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
ISDEV	Centre For Islamic Development Management Studies
KADUN	Kawasan Dewan Undangan Negeri
KOMTAR	Kompleks Tun Abdul Razak
LLB	Sarjana Undang-Undang
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MBSP	Majlis Bandaraya Seberang Perai
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MP	Ahli Dewan Rakyat / Ahli Parlimen
MPKK	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
MUDA	Parti Ikatan Demokratik Malaysia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PACA	Ejen Pusat Mengundi dan Ejen Mengira Undi
Parlimen	Dewan Rakyat
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PeKa B40	Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40
PH Gem	Power House Wanita Gemilang
PIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRU15	Pilihanraya Umum ke-15
PWDC	Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang
PYDC	Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari
Senator	Ahli Dewan Negara
Speaker	Yang di-Pertua Dewan
Standing Oders	Peraturan Mesyuarat
TWOAS	Kerusi Tambahan Untuk Wanita Sahaja
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UniMap	Universiti Malaysia Perlis
UUM	Universiti Utara Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat

Visi



PWDC menggagaskan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang memegang kepada amalan kesaksamaan substantif antara wanita dan lelaki, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial.

Misi



PWDC berusaha untuk mengarusperdanakan gender ke dalam dasar utama, program dan amalan sektor awam dan untuk mengubah struktur dan budaya melalui advokasi, pembangunan kapasiti dan perkongsian strategik dengan pelbagai sektor masyarakat.

Objektif



1. Memberi sokongan kepada kapasiti kerajaan negeri dan tempatan dalam usaha mengintegrasikan perspektif gender dalam dasar, program dan amalan.
2. Memantapkan kepimpinan dan peranan wanita serta meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.
3. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.



***Perbadanan Pembangunan
Wanita Pulau Pinang***

- Tingkat 47, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang, Malaysia
- +604 261 2835 / 261 5261
- +604 261 2839
- wel@pwdc.org.my
- www.pwdc.org.my

